

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan secara terperinci mengenai analisis dapatan kajian iaitu fasa I analisis keperluan dan fasa II reka bentuk dan pembangunan. Kedua-dua fasa ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat serta menentukan keperluan dan melaksanakan kajian reka bentuk dan pembangunan bagi pembinaan ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Diharapkan dapatan kajian di dalam kedua-dua fasa ini memberikan data yang cukup jitu dan padu dalam pembinaan ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi bagi kegunaan organisasi-organisasi berkaitan serta membantu penyelidikan akan datang.

4.2 FASA I : ANALISIS KEPERLUAN

Kajian ini menggunakan protokol temu bual separa berstruktur sebagai instrumen kajian. Oleh itu untuk memastikan soalan-soalan yang dibina bertepatan, bermakna, dipercayai dan boleh digunakan yang membolehkan data-data di inferens (Fraenkel & Norman, 2006) maka instrumen ini telah melalui proses kesahan. Kesahan dan kebolehpercayaan yang digunakan oleh pengkaji dalam fasa ini melibatkan beberapa langkah yang dicadangkan oleh Bogdan dan Biklen (2007) iaitu pengesahan protokol temu bual oleh pakar bidang, *preliminary study*, triangulasi data dan pengesahan peserta kajian terhadap data temu bual. Perkara ini telah dibincangkan dengan terperinci pada bab 3.

Justeru, fasa ini akan membincangkan tentang analisis dapatan kajian yang diperoleh dan mengemukakan cadangan penyelesaian berdasarkan jurang penyelidikan yang diperoleh daripadanya. Sejajar dengan itu fasa ini dijalankan untuk menjawab soalan kajian seperti berikut:

1. Apakah cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan dakwah bagi OKU?
2. Apakah terdapat keperluan kepada Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi?

Untuk menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan di atas, bahagian ini telah dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu :

- Cabaran Sukarelawan Dakwah bagi OKU
- Keperluan kepada Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah bagi OKU

Fasa ini telah menggunakan teknik pensampelan bertujuan dengan memilih penggerak-penggerak sukarelawan dakwah bagi OKU sedia ada yang berpengalaman dalam dunia dakwah bagi OKU. Kumpulan peserta kajian ini yang diklasifikasikan oleh pengkaji berdasarkan kriteria berikut :

1. Mempunyai pengalaman dakwah bagi OKU lebih tiga tahun
2. Berkemahiran menyantuni OKU
3. Melibatkan diri dalam dakwah bagi OKU sepenuh masa/ separuh masa

Justeru seramai enam orang penggerak-penggerak sukarelawan dakwah bagi OKU telah dipilih bagi tujuan mendapatkan maklumat tentang keperluan model yang akan dibangunkan bagi melihat keperluan pembinaan ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Jadual 4.1 memaparkan secara terperinci senarai peserta kajian yang terlibat di mana setiap peserta kajian dilabelkan dengan P1, P2, P3, P4, P5 dan P6. Pemilihan kod P itu adalah singkatan bagi peserta kajian.


Jadual 4.1: Senarai Peserta Kajian

Peserta Kajian	Jantina	Pengalaman
P1	P	5 Tahun
P2	P	7 Tahun
P3	P	5 Tahun
P4	P	7 Tahun
P5	L	5 Tahun
P6	L	7 Tahun

Jadual 4.1 menunjukkan latar belakang peserta kajian yang terlibat. Para peserta kajian terdiri daripada **P1** yang merupakan seorang perempuan dan mempunyai pengalaman menjadi sukarelawan dakwah bagi OKU selama lima tahun. Selain itu, **P2** merupakan seorang perempuan dan mempunyai pengalaman selama tujuh tahun dalam dunia dakwah bagi OKU. Manakala **P3** juga merupakan seorang perempuan dan mempunyai pengalaman menjadi penggerak sukarelawan dakwah bagi OKU selama lima tahun. Manakala **P4** pula merupakan seorang perempuan dan mempunyai pengalaman sebagai sukarelawan dakwah bagi OKU selama tujuh tahun. Seterusnya, **P5** merupakan seorang lelaki dan mempunyai pengalaman lima tahun dalam dunia dakwah bagi OKU. Akhir sekali, **P6** adalah seorang lelaki dan mempunyai pengalaman sebagai sukarelawan dakwah bagi OKU selama tujuh tahun.

4.2.1 CABARAN SUKARELAWAN DAKWAH BAGI OKU

Hasil analisis transkrip daripada enam peserta kajian menghasilkan enam tema seperti Rajah 4.1 di bawah :



Rajah 4.1: Cabaran Sukarelawan Dakwah bagi OKU

TEMA 1 : Cabaran Penerimaan OKU kepada Dakwah

Peserta kajian **P1** bersetuju bahawa salah satu cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan dakwah bagi OKU iaitu cabaran penerimaan OKU terhadap dakwah yang disampaikan. Ini seperti mana dikongsikan oleh **P1** iaitu:

P1, "...Mereka rasa janggal dan susah untuk menerima kita pada awalnya..."

P1 juga menyatakan bahawa terdapat OKU yang mudah menerima dakwah dan ada juga yang sedikit sukar menerima dakwah yang disampaikan atas beberapa faktor. Perkara ini dapat dibuktikan dengan pernyataan **P1** iaitu:

P1, "...berkomunikasi dengan mereka mesti cara yang tersendiri..Apa yang mereka boleh, apa yang mereka tak boleh, apa yang mereka suka, apa yang mereka tak suka..Kalau dari segi OKU masalah pendengaran, mereka mempunyai Bahasa sendiri yang perlu kita belajar..."

Manakala **P2** pula menyatakan terdapat cabaran penerimaan OKU terhadap dakwah yang disampaikan contohnya ada segelintir OKU mengkritik dan mempersoalkan

kaedah penyampaian yang disampaikan oleh sukarelawan. Namun sebagai sukarelawan dakwah bagi OKU, mereka menerima kritikan positif dan negatif dengan hati yang terbuka. Hal ini dapat dibuktikan dengan pernyataan **P2** iaitu:

P2, “...*Dapat respons daripada orang pekak yang bertanya kenapa awak tak tahu isyarat..ni pun takkan awak tak tahu...*”

Kesimpulannya, hasil dapatan yang diketengahkan jelas menunjukkan bahawa terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi oleh penggerak-penggerak sukarelawan dakwah bagi OKU dalam memastikan komuniti OKU mendapat ruang dan peluang mempelajari agama Islam. Meskipun para sukarelawan dakwah bagi OKU berdepan dengan cabaran penerimaan OKU yang baik mahupun sebaliknya, penyelidik mendapati mereka terus berkecimpung dalam dunia dakwah bagi OKU demi memastikan komuniti ini tidak ketinggalan dalam arus pendidikan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa dakwah bagi OKU sangat penting untuk diberikan perhatian oleh semua pihak supaya komuniti OKU terus terbela dan tidak dipinggirkan oleh masyarakat. Oleh itu, kajian pembinaan ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi merupakan perkara penting untuk diterokai dan dibangunkan secara holistik dan berkesan.

TEMA 2 : Cabaran Gangguan Privasi

Kajian ini mendedahkan bahawa individu yang melibatkan diri dalam dunia sukarelawan bukan sahaja terdedah kepada perkara yang memberikan manfaat, namun juga terdedah kepada cabaran gangguan privasi. Antara salah satu cabaran gangguan privasi yang dihadapi oleh sukarelawan ialah privasi berkaitan komunikasi peribadi seperti intip dengar, e-mel, aplikasi mesej seperti WhatsApp, Facebook, Instagram dan lain-lain. Hal ini diakui oleh **P2** yang pernah menghadapi cabaran gangguan privasi contohnya menerima panggilan ataupun pesanan ringkas daripada orang yang tidak dikenali. Kata-kata yang dinyatakan oleh **P2** adalah seperti berikut:

P2, “...*diganggu itu adalah, diganggu secara privasi itu adalah. Itu antara cabaran-cabaran dialah. Maksudnya tiba-tiba tak kenal pun, tiba-tiba nak video call, nak mesej apa semua-semua ni...*”

Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini memaparkan bahawa sukarelawan dakwah bagi OKU turut menghadapi cabaran-cabaran bersifat peribadi iaitu gangguan privasi. Oleh kerana kebanyakan sukarelawan dakwah bagi OKU terdiri daripada

golongan wanita, perkara ini perlu diambil perhatian oleh organisasi supaya kebajikan dan keselamatan para sukarelawan terjamin. Namun jika gangguan privasi itu berkaitan dengan dakwah maka ia seharusnya ditangani dengan baik dan bijaksana supaya mesej dakwah itu dapat disampaikan dengan berkesan. Oleh yang demikian, kajian ini dapat membantu dalam membina ciri sukarelawan dakwah bagi OKU yang berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi.

TEMA 3 : Cabaran Komunikasi

Sebagai sukarelawan dakwah bagi OKU, sudah pasti cabaran yang ditempuhi berbeza berbanding sukarelawan tipikal. Oleh kerana *mad'u* atau sasaran dakwah itu komuniti OKU maka kaedah penyampaian juga berbeza dan mempunyai cabarannya tersendiri. Dalam dapatan kajian ini, **P3** memberikan dapatan berkaitan cabaran komunikasi yang dihadapi ketika menjalankan khidmat dakwah kepada komuniti OKU. Setiap kategori OKU berlainan cara komunikasinya yang memerlukan sukarelawan mempersiapkan diri dengan kemahiran yang khusus untuk menyantuni mereka. Hujah ini dapat dibuktikan dengan pernyataan P3 seperti berikut:

P3, “...komunikasi mereka bukanlah macam komunikasi kita sesama orang tipikal ataupun orang yang boleh mendengar. Iaitu kita kena menggunakan bahasa isyarat, jadi nak tak nak memang kena improve skill kita...”

Di samping itu, **P3** turut menyatakan bahawa sukarelawan perlu sentiasa bergaul dengan komuniti OKU bagi memastikan kemahiran komunikasi dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Hal ini dapat mengelakkan individu sukarelawan daripada menghadapi cabaran komunikasi yang menyukarkan penyampaian ilmu dilaksanakan. Pernyataan **P3** adalah seperti berikut:

P3, “...Jangan rasa apa yang kita belajar dulu-dulu tu dah cukup dah, senang kata jangan syok sendirilah, kalau kita ditegur, terima dan perbaiki lagi, kita kena banyak bergaul lagi dengan mereka sebab sebenarnya kalau bahasa isyarat ni memang nak tak nak cara dia untuk improve skill kita komunikasi lah...”

Selain itu, cabaran komunikasi dari segi kosa kata atau *vocabulary* yang kurang dalam pengetahuan sukarelawan juga menjadi cabaran yang dihadapi. Seperti yang dinyatakan **P5** dalam kenyataan berikut:

P5, “...waktu tengah belajar pasal isyarat tu dari sudut vokabulary yang tak seberapa banyak saya diminta untuk menjadi jurubahasa ataupun untuk mengajarkan komuniti ini di pelbagai peringkat umur lah, untuk remaja, dewasa dan kanak-kanak...”

Cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan berkaitan istilah atau perkataan yang perlu diubah agar sesuai dan memudahkan komuniti OKU untuk memahami sesuatu topik. Seperti yang dinyatakan oleh **P6**:

P6, “...Beberapa perkataan atau istilah yang mereka kurang memahami. Ini menyebabkan saya sendiri perlu memikirkan ayat yang menunjukkan inspirasi muka dan bahasa badan yang paling mudah supaya OKU pendengaran itu boleh memahami...”

Dan juga kenyataan P6 seperti berikut:

P6, “...bagi OKU memang agak terhad. Jadi disebabkan itu banyak perkataan abstrak. Dalam Bahasa Melayu ada banyak perkataan abstrak, banyak bahasa yang tinggi. Mereka sukar memahami. Jadi disebabkan itu saya sendiri sebagai dai yang berdakwah kepada golongan OKU ini perlu kreatif dalam menyampaikan dakwah supaya memudahkan OKU ini mudah memahami...”

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan antara cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan dakwah bagi OKU ialah cabaran komunikasi yang merupakan elemen yang penting supaya ilmu dan maklumat yang disampaikan memberi impak kepada OKU. Contohnya, komunikasi utama OKU Pendengaran iaitu melalui kemahiran Bahasa Isyarat, OKU Penglihatan pula melalui penguasaan kemahiran Braille, OKU Pembelajaran melalui kemahiran menyantuni mereka dan lain-lain. Oleh yang demikian, pembinaan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah bagi OKU yang berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi dapat membantu sukarelawan dakwah bagi OKU melihat matlamat perjuangan dengan lebih jelas betapa pentingnya dunia dakwah bagi OKU.

TEMA 4 : Cabaran Keyakinan Diri

Seterusnya kajian ini mendapati bahawa terdapat cabaran keyakinan diri yang dihadapi oleh sukarelawan dakwah bagi OKU. Kepercayaan diri iaitu keyakinan diri adalah unsur penting dalam meraih kejayaan dalam sesuatu pekerjaan. Justeru sekiranya individu sukarelawan dakwah bagi OKU tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi maka penyampaian tidak berlaku secara menyeluruh. Hal ini dapat dilihat dalam kenyataan **P4** yang memberi pernyataan seperti berikut:

P4, “...Jadi bila kita sampaikan itu self- confident kita perlulah sangat tinggi sebab bila kita kurang keyakinan sebenarnya kita kurang imaginasi dan juga kita akan kurang daripada segi feel untuk menyampaikan, jadi penyampaian itu takkan sampai secara total. Dia akan tersekat ataupun kefahaman mereka itu jadi separuh...”

Manakala **P2** bersetuju bahawa sukarelawan dakwah bagi OKU perlu mempunyai sifat berani dan malu pada tempatnya. Sememangnya dunia dakwah bagi OKU memerlukan sukarelawan menjadi seorang yang terbuka dan ekspresif demi menyampaikan ilmu kepada komuniti OKU. **P2** memberikan pernyataan seperti berikut:

P2, “...Kalau lagi satu aa kalau saya kena tebal muka. Kena tebal muka. Sebab kadang-kadang kalau saya dengan OKU pendengaran ni yalah kita ada terpaksa...”

Dan “...macam tunjuk ekspresi muka yang macam kita marah tu marah betul...Padahal dalam kehidupan seharian kita tak pernah marah macam tu. Kita marah biasa-biasa je tapi nak tak nak ni nak kata ni orang pekak ni kena marah sungguh ni...”

Kesimpulannya, individu yang menjadi sukarelawan dakwah bagi OKU bakal menghadapi cabaran keyakinan diri di sepanjang penglibatan dalam dunia dakwah bagi OKU. Oleh itu, keyakinan diri perlu sentiasa dibina dan dilatih supaya penyampaian ilmu kepada OKU dapat dilaksanakan dengan efektif dan berimpak tinggi.

TEMA 5 : Cabaran Kerjasama dengan Pihak Berkuasa

Di samping itu, hasil dapatan kajian ini mendedahkan bahawa antara cabaran lain yang dihadapi oleh sukarelawan dakwah bagi OKU ialah cabaran kerjasama dengan pihak berkuasa. Dalam melaksanakan dakwah bagi OKU, kerjasama daripada semua pihak amatlah penting demi memastikan ruang dan peluang mempelajari agama dapat diberikan kepada OKU. Hal ini dapat dibuktikan dengan pernyataan **P4** seperti berikut:

P4, “...Antara cabaran yang lain ketika melalui fasa untuk menyampaikan dakwah pada OKU ni adalah antaranya peluang ataupun ruang yang disediakan oleh pihak-pihak yang berkaitan. Contohnya kadang-kadang kita nak buat program tapi ada pihak yang berkaitan yang lebih berkuasalah kita kata yang lebih autoriti yang boleh menyediakan ruang untuk kita sampaikan kepada OKU penglihatan itu sangat kurang...”

Dan seharusnya dakwah bagi OKU ini menjadi satu kepentingan di setiap jabatan pihak berkuasa serta disokong oleh NGO-NGO yang lebih dekat kepada masyarakat

supaya terserlah dan terzahir semangat Keluarga Malaysia yang diterap oleh pihak kerajaan. Hal ini dapat dilihat pada pernyataan **P4** seperti berikut:

P4, “...jabatan-jabatan agama seharusnya kita sama-sama berganding bahu bersama dengan NGO-NGO bersama dengan persatuan-persatuan sepatutnya kita grow betul-betul dakwah bagi OKU ni, dunia dakwah bagi OKU ni kita sebenarnya boleh cantikkan lagi dengan ruang dan peluang yang disediakan dengan lebih banyak supaya dakwah ni boleh disampaikan bila-bila. di mana-mana sahaja...”

TEMA 6 : Cabaran Pengurusan Masa dan Komitmen

Selain itu, hasil dapatan kajian ini mendedahkan bahawa sukarelawan dakwah bagi OKU menghadapi cabaran dari sudut pengurusan masa dan komitmen. Dalam melaksanakan dakwah bagi OKU, pengurusan masa yang cekap dan komitmen yang jitu amatlah penting demi memastikan ruang dan peluang mempelajari agama dapat diberikan kepada OKU. Hal ini dinyatakan dengan pembuktian **P5** seperti berikut:

P5, “...antara cabarannya adalah beberapa yang pertama dari sudut kekangan masa untuk melibatkan diri dalam dakwah bagi OKU..cara pengurusan itulah mungkin saya terlibat untuk menguruskan waktu assignment, untuk menguruskan hal-hal kerja. Dalam masa yang sama untuk menguruskan aktiviti-aktiviti ataupun rogram yang berbentuk dakwah kepada OKU ni...”

Dalam masa yang sama, melibatkan diri dalam dakwah bagi OKU memerlukan komitmen yang bersungguh-sungguh daripada sukarelawan kerana seperti sediamaklum dunia OKU ini istimewa dari segi santunan dan khidmatnya. Seperti yang dinyatakan oleh **P5** seperti berikut:

P5, “...Maksudnya komitmen untuk berkecimpung ataupun untuk menjalankan urusan dakwah kepada OKU. jadi dia adalah berbagai-bagai apa rintangan...”

Kesimpulannya, seseorang yang melibatkan diri dalam dunia dakwah bagi OKU pastinya memerlukan sikap pengurusan masa yang cekap dan perlu memberikan komitmen yang sepenuhnya kepada aktiviti-aktiviti dakwah bagi OKU yang dijalankan. Dengan yang demikian, penyampaian dakwah bagi OKU akan menjadi lebih efektif dan menarik minat komuniti ini untuk lebih dekat dengan indahnya hidup beragama.

Jadual 4.2 menunjukkan ringkasan hasil analisis transkrip daripada enam peserta kajian menghasilkan enam tema iaitu cabaran penerimaan OKU kepada usaha dakwah, cabaran gangguan privasi, cabaran komunikasi, cabaran keyakinan diri, cabaran

kerjasama dengan pihak berkuasa dan akhir sekali cabaran pengurusan masa dan komitmen.

Jadual 4.2: Respon Peserta Kajian

TEMA	PESERTA KAJIAN
Penerimaan OKU kepada Usaha Dakwah	P1, P2
Gangguan Privasi	P2
Komunikasi	P3, P5,P6
Keyakinan Diri	P4, P2
Kerjasama dengan Pihak Berkuasa	P4
Pengurusan Masa dan Komitmen	P5

4.2.2 KEPERLUAN KERANGKA CIRI SUKARELAWAN DAKWAH BAGI OKU

Ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi adalah merupakan suatu keperluan bagi memenuhi kelompangan dalam membentuk sukarelawan yang berjiwa murni dan suci dalam menunaikan khidmatnya kepada komuniti OKU mengikut ajaran Nabi Muhammad ﷺ. Peserta kajian **P1** bersetuju bahawa membentuk sukarelawan berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi adalah suatu keperluan yang perlu dilaksanakan. Hujah ini dibuktikan dengan pernyataan **P1** iaitu:

P1, “...Sudah pasti sebagai umat islam, uswah hasanah atau role model terbaik dan utama adalah Rasulullah ﷺ. Baginda memiliki ciri-ciri yang sempurna sebagai insan yang menginfakkan dirinya demi pengembangan dan penyebaran Islam. Halaqah hadis 40 dalam mengeluarkan ciri sukarelawan dakwah bagi OKU adalah cara dan metode yang baik dalam usaha mencontohi Rasulullah ﷺ ...”

Begitu juga **P2** bersetuju dan memberikan pernyataan seperti berikut;

P2, “...ya, daripada hadis 40 tersebut kita dapati ciri sukarelawan dakwah OKU wujud dan menjadi satu keperluan bagi membentuk individu sukarelawan dakwah OKU...”

Manakala **P3** bersetuju bahawa terdapat keperluan kepada ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dengan memberikan hujah bahawa ciri sukarelawan yang akan dibentuk bersumberkan hadis Nabi ﷺ yang menjadi sandaran agama Islam yang utama dalam pernyataan berikut;

P3, “...ianya keperluan, kerana ianya berdasarkan hadis yang menjadi sumber sandaran agama, maka mengambil intipati manfaat dari hadis untuk pembentukan individu sukarelawan dakwah bagi OKU adalah suatu tindakan yang sewajarnya...”

Seperti mana yang dinyatakan oleh **P4** dan **P5** yang bersetuju bahawa terdapat keperluan berkenaan pembinaan sukarelawan berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi adalah seperti berikut;

P4, “...usaha membentuk ciri sukarelawan dengan merujuk hadis 40 nabawi sangat sesuai dijalankan kerana seperti kita sedia maklum.. hadis 40 nabawi ni merupakan khazanah tinggalan daripada Nabi Muhammad ﷺ yang sangat bernilai yang sepatutnya menjadi panduan dalam membentuk keperibadian Muslim.. dari segi sukarelawan ini...”

P5, “...banyak hadis-hadis yang terdapat dalam himpunan Hadis 40 yang boleh dijadikan panduan, rujukan dan motivasi kepada individu yang berkecimpung dalam dakwah bagi OKU ataupun kesukarelawan walaupun disebutkan secara langsung berkaitan OKU. Akan tetapi boleh diambil istifadah berdasarkan sabdaan Nabi Muhammad ﷺ ...”

Dan yang terakhir **P6** juga menyatakan persetujuan bahawa terdapat keperluan dalam membentuk sukarelawan berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi yang perlu dibangunkan dalam memberikan khidmat yang mempunyai jiwa dan ikhlas kepada komuniti OKU. Seperti yang dinyatakan oleh **P6** seperti berikut;

P6, “...Hadis 40 sangat sesuai digunakan bagi membentuk sukarelawan untuk berdakwah kepada OKU, kerana dalam Hadis 40 banyak memberikan pengajaran dan bimbingan untuk sukarelawan menjadi individu yang boleh bimbing OKU untuk mempelajari Islam...”

Justeru dapatan kajian yang telah dianalisis ini mengetengahkan bukti yang kukuh bahawa terdapat keperluan untuk pembinaan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah bagi OKU berasaskan Kitab Hadis 40 Imam Nawawi.

4.3 FASA II : REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN

Fokus utama fasa ini adalah untuk menjawab persoalan kajian Fasa II Reka Bentuk dan Pembangunan seperti berikut:

- 3.1 Berdasarkan analisis Kitab Hadis 40 Imam Nawawi, apakah elemen yang perlu disertakan dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU?
- 3.2 Berdasarkan pandangan pakar, apakah kedudukan keutamaan dimensi ciri sukarelawan dakwah bagi OKU?
- 3.3 Apakah kesepakatan pakar terhadap tema dan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah bagi OKU daripada Kitab Hadis 40 Imam Nawawi?

Fasa ini bertujuan untuk mengkaji pembangunan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah bagi OKU daripada Kitab Hadis 40 Imam Nawawi untuk dijadikan panduan oleh para sukarelawan dakwah bagi OKU dalam menjalankan khidmat kepada komuniti OKU.

4.3.1 ELEMEN CIRI SUKARELAWAN DAKWAH BAGI OKU BERDASARKAN KITAB HADIS 40 IMAM NAWAWI

Di dalam fasa ini, analisis data telah dilakukan untuk menjawab persoalan kajian 3.1 iaitu *berdasarkan analisis Kitab Hadis 40 Imam Nawawi* dengan sokongan kitab Syarah Hadis 40 Tatmim al-Kafi, *apakah elemen yang perlu disertakan dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU* yang menggunakan kaedah *Focus Group Discussions* (FGD). Kaedah dalam fasa ini telah mendapat pengesahan dua orang pakar hadis yang berpengalaman dalam ilmu hadis dan huraianya termasuk Kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Kaedah *Focus Group Discussions* (FGD) ini lebih sesuai digunakan kerana pengkaji ingin mengetahui tentang pemahaman dan nilai sebenar yang lebih mendalam terhadap elemen yang perlu disertakan dalam Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah bagi OKU.

Disebabkan fasa ini hanya melibatkan pengesahan elemen yang telah diekstrak daripada Kitab Hadis 40 Imam Nawawi, maka pakar yang dilantik berperanan untuk menilai dan mengesahkan kesesuaian elemen yang telah dikenalpasti. Jadual 4.3 menunjukkan elemen-elemen yang telah diekstrak daripada Kitab Hadis 40 Imam Nawawi.

Jadual 4.3

Elemen Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah bagi OKU Berdasarkan Kitab Hadis 40

Imam Nawawi



NO.	HADIS	TERJEMAHAN	ELEMEN SUKARELAWAN
1	<p>عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى. فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِيَ هِجْرَةٌ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِيَ هِجْرَةٌ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ. [رواه إماما المحدثين أبو عبد الله محمد بن إسماعيل بن إبراهيم بن المغيرة بن بردزبة البخاري وأبو الحسين مسلم بن الحجاج بن مسلم القشيري النيسابوري في صحيحيهما اللذين هما أصح الكتب المصنفة]</p>	<p>Dari Amirul Mu'minin, Abi Hafs Umar bin Al Khattab radhiallahuanhu, dia berkata, "Saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan. Barangsiapa yang hijrahnya menuju kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya kepada Allah dan RasulNya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuannya, atau kerana seorang perempuan yang dia mahu kahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujuinya itu.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “Antara tujuan niat ialah membezakan antara adat dengan ibadat. Jika ibadat makai a akan diganjarakan pahala oleh Allah SWT. Begitu juga seperti kata Syeikh Ali al-Tahtawi : Bila mana betul niat maka betullah amalan. Sebaliknya jika rosak niat maka rosaklah amalan (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu mempunyai niat yang Ikhlas.</p>

<p>2</p>	<p>عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيْضًا قَالَ: بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّقَمِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ، حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتُحِجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا قَالَ: صَدَقْتَ، فَعَجَبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّقُهُ، قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ. قَالَ صَدَقْتَ، قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ، قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ، قَالَ: مَا الْمَسْئُورُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ. قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَاتِهَا، قَالَ: أَنْ تَلِدَ الْأُمَةُ رَبَّتَهَا وَأَنْ تَرَى الْخِفَاءَ الْعُرَاءَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّيْءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ، ثُمَّ انْطَلَقَ فَلَبِثْتُ مَلِيًّا، ثُمَّ قَالَ: يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مِنَ السَّائِلِ؟ قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ فَإِنَّهُ جِرْبِلٌ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ. [رواه مسلم]</p>	<p>Dari Umar radhiyallahu `anhu juga dia berkata : Ketika kami sedang duduk di sisi Rasulullah ﷺ pada suatu hari, tiba-tiba muncul di hadapan kami seorang lelaki yang memakai pakaian yang sangat putih, berambut sangat hitam, yang tidak ternampak pada dirinya kesan-kesan tanda musafir dan tidak seorangpun di kalangan kami yang mengenalinya. Lalu dia duduk menghampiri Nabi ﷺ lalu disandarkan kedua-dua lututnya ke lutut Baginda dan meletakkan dua tapak tangannya atas dua paha Baginda seraya berkata: Wahai Muhammad! Terangkan kepadaku tentang Islam. Lalu Rasulullah ﷺ bersabda: Islam itu bahawa engkau naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu utusan Allah, (dan bahawa) engkau mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan, menunaikan haji ke BaitulLah (Mekah) sekiranya engkau berkuasa mengerjakannya. Lelaki tersebut berkata: Benarlah engkau. Maka kamipun merasa hairan kepadanya, dia yang bertanya dia pula yang membenarkannya. Dia bertanya: Terangkan kepadaku tentang Iman. Baginda bersabda: (Iman itu ialah) bahawa engkau percaya kepada Allah, para MalaikatNya, kitab-kitabNya, para RasulNya, hari Qiamat dan bahawa engkau percaya kepada Qadar baik dan buruk. Lelaki itu berkata: Benarlah engkau. Dia berkata lagi: Terangkanlah kepadaku tentang Ehsan. Baginda bersabda: Ehsan itu ialah bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatNya. Sekiranya engkau tidak dapat melihatnya, maka sesungguhnya Dia melihatmu. Lelaki itu bertanya lagi: Terangkan kepadaku tentang Qiamat. Baginda bersabda: Orang yang ditanya tentang Qiamat tidaklah lebih mengetahui daripada orang yang bertanya. Lelaki itu berkata: Maka terangkanlah kepadaku tentang tanda-tandanya. Baginda bersabda: (Antara tandatandanya ialah) apabila seorang hamba perempuan melahirkan tuannya dan apabila engkau melihat orang-orang miskin yang berkaki ayam, tidak berpakaian dan papa kedana yang hanya menjadi</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu menjadi individu yang berilmu, beradab ketika menuntut ilmu dan juga beradab ketika menyampaikan ilmu.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu mempunyai rasa rendah diri.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu itqan melakukan kerja sukarelawan.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu mempunyai penghayatan terhadap rukun Iman Islam dan juga mempunyai kemahiran menyampaikan ilmu.</p>
----------	--	---	---

		<p>pengembala kambing berlumba-lumba memibna bangunan (iaitu bertukar menjadi kaya raya). Kemudian lelaki itu berlalu, lalu aku terdiam sebentar. Kemudian Baginda bertanya: Wahai 'Umar! Adakah engkau tahu siapa lelaki yang bertanya itu? Aku berkata: Allah dan RasulNya lebih mengetahui. Baginda bersabda: Sesungguhnya dia adalah Malaikat Jibril yang datang kepada kamu untuk mengajar kamu tentang agama kamu.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Adab yang baik antara pelajar apabila berhadapan dengan guru.. menunjukkan adanya adab dan akhlak(etika),mendengarkan dengan penuh perhatian</i> (Zulkifli,2021)”</p>	
3	<p>عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ : شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَحُجُّ الْبَيْتِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ. [رواه الترمذي ومسلم]</p>	<p>Dari Abu Abdurrahman, Abdullah bin Umar bin Alh Khottob radiallahuanhuma dia berkata: Saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: Islam itu terbina atas lima perkara: Naik saksi mengaku bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad itu adalah Utusan Allah, Mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke baitullah dan menunaikan puasa pada bulan Ramadhan.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Pelaksanaan rukun Islam yang lima ini akan menzahirkan dua hubungan yang ampuh iaitu Hablum Minallah dan Hablum Minannas</i> (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu mempunyai penghayatan Iman.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu berprinsip (iaitu iktiqod) dan bertanggungjawab melaksanakan amalan ibadah.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu mempunyai rasa bertanggungjawab.</p>
4	<p>عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ</p>	<p>Dari Abu Abdurrahman Abdullah bin Mas'ud radiallahuanhu beliau berkata: Rasulullah ﷺ menyampaikan kepada kami dan beliau adalah orang yang benar dan dibenarkan: Sesungguhnya setiap orang di kalangan kamu dihimpunkan</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu beryakinan yang tinggi terhadap ketetapan Allah.</p>

	<p>الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ : إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْفَهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا نُطْفَةً، ثُمَّ يَكُونُ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ إِلَيْهِ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ، وَيُؤَمَّرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ : بِكُتِّبَ رِزْقُهُ وَأَجَلُهُ وَعَمَلُهُ وَشَقِيٌّ أَوْ سَعِيدٌ. فَوَاللَّهِ الَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ إِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ فَيَدْخُلُهَا، وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيَدْخُلُهَا. [رواه البخاري ومسلم]</p>	<p>kejadiannya dalam perut ibunya selama 40 hari berupa air mani, kemudian menjadi segumpal darah selama tempoh yang sama, kemudian menjadi seketul daging selama tempoh yang sama, kemudian dikirimkan kepadanya seorang malaikat lalu dia menghembuskan padanya ruh dan dia diperintahkan dengan 4 kalimat; iaitu supaya menulis rezekinya, ajalnya, amalannya dan adakah dia celaka atau bahagia. Demi Allah Yang tiada Tuhan melainkanNya, sesungguhnya salah seorang dari kalangan kamu akan beramal dengan amalan ahli syurga, sehingga jarak antaranya dan syurga tidak lebih dari sehasta, lalu dia didahului oleh ketentuan tulisan kitab lantas dia mengerjakan amalan ahli neraka lalu dia memasuki neraka. Dan sesungguhnya salah seorang dari kalangan kamu akan beramal dengan amalan ahli neraka, sehingga jarak antaranya dengan neraka tidak lebih dari sehasta, lalu dia didahului oleh ketentuan tulisan kitab lantas dia mengerjakan amalan ahli syurga lalu dia memasuki syurga.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>wajib kita beriman kepada qadha’ dan qadar dan memohon kepadanya agar kita tergolong dalam golongan yang mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat</i> (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan juga perlu merendah diri sesama insan.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu mempunyai sifat bertawakkal kepada Allah dan sentiasa menggalakkan kepada OKU supaya melakukan kebaikan.</p>
5	<p>عَنْ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أُمِّ عَبْدِ اللَّهِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ أَحَدَتْ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ. [رواه البخاري ومسلم وفي رواية لمسلم : مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ]</p>	<p>Dari Ummul Mu’minin; Ummu Abdillah; Aisyah radhiallahuanha dia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Barangsiapa yang mengada-ada sesuatu perkara dalam urusan kita ini, yang bukan daripadanya, maka ia tertolak.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Justeru amalan yang dilakukan perlukan kepada muwafaqah(berbetulan) dengan kehendak Rasulullah ﷺ dan keikhlasan</i> (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu menyampaikan suruhan agama selari dengan suruhan agama (iaitu sampaikan apa yang benar).</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu mematuhi arahan penganjur sesuatu program.</p>

			<p>-Seorang sukarelawan perlu bertanggungjawab sampaikan ilmu yang betul kepada OKU.</p>
6	<p>عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّ الْخَالَءَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرعى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ تَحَارِمُهُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ [رواه البخاري ومسلم]</p>	<p>Dari Abu Abdillah Nu'man bin Basyir radhiallahuanhu dia berkata, Saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, Sesungguhnya perkara yang halal itu terang jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu terang jelas, dan di antara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara syubhat yang kesamaran yang kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Barangsiapa yang menjaga perkara syubhat maka sesungguhnya dia telah membersihkan agamanya dan maruah dirinya. Dan barangsiapa yang terjatuh dalam perkara syubhat, maka dia telah jatuh dalam perkara haram, umpama seorang penggembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan, dibimbangi dia akan menceroboh masuk ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja ada sempadan dan sesungguhnya sempadan Allah itu ialah perkaraperkara yang diharamkanNya. Ketahuilah bahawa dalam setiap jasad itu ada seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Setiap keraguan dan kesamaran dalam sesuatu perkara sewajarnya ditinggalkan..Hadis ini menjadi dasar bagi prinsip hukum <i>sad al-zara’I</i> iaitu menutup pintu keburukan (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan mesti menjaga adab dan batas agama.</p> <p>-Seorang sukarelawan bertanggungjawab kepada OKU yang di dalam jagaannya.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu menyebarkan kebaikan dan mencegah kemungkaran</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu sentiasa bersikap berhati-hati dalam konteks menjaga maruah (iaitu muru’ah).</p>

<p>7</p>	<p>عَنْ أَبِي رُقَيْبَةَ تَمِيمِ الدَّارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الدِّينُ النَّصِيحَةُ. فُلْنَا لِمَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَيِّمَةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ. [رواه البخاري ومسلم]</p>	<p>Dari Abu Ruqoyah Tamim Ad Daari radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda: Agama itu adalah nasihat. Kami berkata: Untuk siapa? Baginda bersabda: Untuk Allah, untuk kitabNya, untuk RasulNya, untuk para Imam kaum muslimin dan untuk umat Islam seluruhnya.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Inilah keistimewaan manusia iaitu dapat memberi dan menerima nasihat. Nasihat wajib dilakukan sesuai dengan kemampuan</i> (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan adalah individu yang berdakwah untuk mengenal Allah.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu beramal dengan Quran, mentaati Rasulullah dan menasihati para pemimpin.</p> <p>-Sorang sukarelawan perlu saling menasihati sesama sukarelawan serta boleh menarik orang lain dan diri sendiri kepada Allah.</p> <p>-Seorang sukarelawan juga perlu mempunyai kemahiran kepelbagaian dalam penyampaian dari segi konten.</p> <p>-Seorang sukarelawan adalah individu yang boleh menerima nasihat atau teguran.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu tabayyun atau menyelidik sesuatu sebelum menyampaikan atau menghukum.</p>
----------	--	---	--

8	<p>عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَمَرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَيَتِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ وَحَسَانَتِهِمْ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى [رواه البخاري ومسلم]</p>	<p>Dari Ibnu Umar radhiallahuanhuma sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda: Aku telah diperintahkan supaya memerangi manusia sehingga mereka naik saksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad utusan Allah, sehingga mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat. Apabila mereka telah berbuat demikian, maka mereka telah memelihara darah mereka dan harta mereka daripada aku, melainkan dengan hak Islam, dan hisab perhitungan amal mereka terserah kepada Allah Ta'ala.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : ”.<i>Hadis ini juga menjadi dalil yang kukuh bahawa amal perbuatan merupakan sebahagian daripada soal keimanan. Keimanan dalam hati akan diterjemahkan melalui tindakan dan perbuatan (Zulkifli,2021)</i>”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu menjadi seorang muslim yang mentaati perintah Allah.</p> <p>-Seorang sukarelawan juga perlu mempunyai kelembutan dalam berdakwah.</p> <p>-Seorang sukarelawan mesti memimpin dengan berlandaskan syariat.</p>
9	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ صَخْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : مَا هَيَّبْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ، وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مَن قَبْلَكُمْ كَثْرَةُ مَسَائِلِهِمْ وَاخْتِلَافُهُمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ . [رواه البخاري ومسلم]</p>	<p>Dari Abu Hurairah Abdurrahman bin Sakhr radhiallahuanhu dia berkata: Saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: Apa-apa yang aku larang kamu melakukannya, maka hendaklah kamu menjauhinya, dan apa-apa yang aku perintahkan kamu melakukannya, maka lakukanlah seberapa daya kamu. Sesungguhnya umat yang terdahulu daripada kamu telah binasa lantaran banyak persoalan dan banyak perselisihan mereka terhadap Nabi-nabi mereka.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “.<i>jauhkanlah sebarang bentuk pertanyaan dengan niat yang tidak baik serta suka berkhilaf. Hal ini akan memudaratkan seseorang (Zulkifli,2021)</i>”</p>	<p>-Seorang sukarelawan yang berusaha sedaya upaya melakukan tugasan (iaitu itqan).</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu taat tanpa banyak soal dan mampu memberi cadangan yang bernas.</p>
10	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا، وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى:</p>	<p>Dari Abu Hurairah radhiallahuanhu dia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Sesungguhnya Allah Ta'ala baik, Dia tidak menerima kecuali perkara yang baik. Dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang mukmin dengan apa yang telah diperintahkan kepada para Rasul di mana Allah Ta'ala berfirman: (Wahai para Rasul! Makan minumlah kamu makanan yang baik baik dan hendaklah kamu beramal soleh). Dan Allah Ta'ala berfirman: (Wahai orang-</p>	<p>-Seorang sukarelawan yang mentaati perintah Allah.</p>

	<p>وَقَالَ تَعَالَى: ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَعُدَّتِي بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لَهُ. [رواه مسلم]</p>	<p>orang yang beriman! Makan minumlah kamu makanan yang baik-baik yang Kami rezekikan kepada kamu). Kemudian Baginda menyebut perihal seorang lelaki yang bermusafir jauh, yang berambut kusut masai dan berdebu, yang menadah tangan ke langit (iaitu berdoa): Wahai Tuhanku! Wahai Tuhanku! Bagaimanakah doanya akan dimakbulkan sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan dia dikenyangkan dengan makanan yang haram?</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Imam Ahmad ketika ditanya berkenaan makna al-Muttaqin, yakni orang yang bertaqwa, lantas dijawabnya iaitu seseorang yang menjaga daripada sesuatu dan tidak berlaku daripada perkara yang tidak diharamkan (Zulkifli,2021)</i>”</p>	
11	<p>عَنْ أَبِي مُحَمَّدٍ الْحُسَيْنِ بْنِ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ سِبْطِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرِجَالِهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : حَفِظْتُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: دَعَا مَا يَرِيئُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيئُكَ. (رواه الترمذي وقال : حديث حسن صحيح)</p>	<p>Dari Abu Muhammad Al Hasan bin Ali bin Abi Thalib, cucu Rasulullah ﷺ dan kesayangannya radhiallahuanhuma dia berkata: Saya menghafal dari Rasulullah ﷺ (sabdanya): Tinggalkanlah apa yang meragukan engkau kepada apa yang tidak meragukan engkau.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Hadis ini juga menunjukkan kepada kita supaya membina hukum serta urusan kehidupan kita di atas keyakinan (Zulkifli,2021)</i>”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu berkeyakinan. -Seorang sukarelawan perlu bertanya bagi sesuatu bidang yang tidak diketahui.</p>
12	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَغْنِيهِ [حديث حسن رواه الترمذي وغيره هكذا]</p>	<p>Dari Abu Hurairah radhiallahunhu dia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Sebahagian daripada keelokan seorang mukmin ialah meninggalkan apa yang tidak berfaedah baginya.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “...<i>Apabila seseorang muslim menyedari kewajipan dan tanggungjawabnya maka dia akan</i></p>	<p>-Seorang sukarelawan mesti melibatkan diri dalam perkara berfaedah samada dalam waktu khidmat atau diluar waktu khidmat sukarelawan.</p>

		<i>sibuk dengan dirinya dan memberi perhatian kepada perkara yang akan memberi manfaat buat dirinya di dunia dan di akhirat (Zulkifli,2021)”</i>	
13	<p>عَنْ أَبِي حَمَزَةَ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، خَادِمِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ [رواه البخاري ومسلم]</p>	<p>Dari Abu Hamzah, Anas bin Malik radiallahuanhu, pembantu Rasulullah ﷺ, dari Rasulullah ﷺ, beliau bersabda: Seseorang kamu tidak benar-benar beriman sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Sebahagian ulama berkata : Hadis ini dari segi fiqh menunjukkan bahawa orang yang beriman bersama mukmin yang lain seperti satu jasad, justeru hendaklah dia kasihinya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri (Zulkifli,2021)”</p>	-Seorang sukarelawan perlu mempunyai sifat empati dan bersedia berkorban.
14	<p>عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ إِلَّا بِأَحَدٍ ثَلَاثٍ : النَّبِيبِ الرَّأْيِي، وَالنَّفْسِ بِالنَّفْسِ وَالتَّارِكِ لِدِينِهِ الْمُفَارِقِ لِلْجَمَاعَةِ [رواه البخاري ومسلم]</p>	<p>Dari Ibnu Mas’ud radiallahuanhu dia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Tidak halal darah seorang muslim yang bersaksi bahwa tidak ada Tuhan selain Allah dan bahwa saya (Rasulullah ﷺ) adalah utusan Allah kecuali dengan tiga sebab: orang yang berzina(pernah berkahwin), nyawa dengan nyawa dan orang yang meninggalkan agamanya yang memisahkan diri daripada jamaah.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Mendorong agar beriltizam dengan Jemaah muslimin dan jangan menyimpang daripadanya. Hendaklah menjauhkan diri daripada ketiga-tiga kejahatan tersebut dan berwaspada agar tidak terjerumus ke dalamnya (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu menjauhi ketiga-tiga jenayah (iaitu dosa besar yang membawa kepada hukuman mati).</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu menanamkan sikap kesatuan dalam kepelbagaian.</p>

15	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُفْلِحْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْنَمْثْ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ. [رواه البخاري ومسلم]</p>	<p>Dari Abu Hurairah radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda, Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata baik atau dia diam. Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan jiran tetangganya. Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Memuliakan seseorang juga meliputi beberapa perkara yang berkaitan, iaitu memberi salam, berbuat ihsan, berkorban, menghormati (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu menyampaikan kebaikan. Dan juga tidak memburukkan kerja-kerja sukarelawan lain.</p> <p>-Seorang sukarelawan mampu menyalurkan kepakaran dan meraikan bantuan serta keperluan sukarelawan lain.</p>
16	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَوْصِنِي، قَالَ: لَا تَعْصَبَ فَرْدًا مِرَارًا، قَالَ: لَا تَعْصَبُ [رواه البخاري]</p>	<p>Dari Abu Hurairah radhiallahuanhu Bahawa seorang lelaki berkata kepada Nabi ﷺ: Berikan daku wasiat. Baginda bersabda: Janganlah engkau marah. Lelaki itu mengulangi soalan itu beberapa kali. Baginda tetap bersabda: Janganlah engkau marah.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Dikatakan bahawa Nabi Allah Isa AS pernah menasihati Yahya bin Zakaria AS seraya bersabda : Sesungguhnya aku mengajar kepada kamu ilmu yang bermanfaat iaitu jangan marah. Ini menunjukkan betapa pentingnya kita menjaga emosi ketika dalam keadaan tercabar (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan mesti berlemah lembut menyantuni OKU.</p>

17	<p>عَنْ أَبِي يَعْلى شَدَّادِ ابْنِ أَوْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ اللهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَ وَلِإِذَا أَحَدُكُمْ شَفَّرْتَهُ وَلَيْسَ ذِي بَحْتِهِ . [رواه مسلم]</p>	<p>Dari Abu Ya'la Syaddad bin Aus radhiallahuanhu dari Rasulullah ﷺ bersabda: Sesungguhnya Allah menulis (iaitu mewajibkan) Ehsan atas segala sesuatu. Apabila kamu mahu membunuh, maka perelokkanlah pembunuhan itu. Apabila kamu mahu menyembelih, maka perelokkanlah penyembelihan itu dan hendaklah kamu menajamkan mata pisau dan hendaklah dia menyenangkan haiwan sembelihannya itu.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Sesiapa yang melakukan ihsan dalam kehidupannya maka dia akan mendapat keuntungan yang besar dan termasuk dalam golongan yang mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Zulkifli,2021)</i>”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu itqan (iaitu bersungguh-sungguh) dalam melakukan kerja-kerja sukarelawan.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu mengurus emosi diri sendiri.</p> <p>-Seorang sukarelawan yang kasihan kepada OKU.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu mempunyai kompetensi atau keupayaan dalam mengajar.</p> <p>-Seorang sukarelawan yang empati kepada OKU.</p>
----	--	---	---

<p>18</p>	<p>عَنْ أَبِي ذَرٍّ جُنْدُبِ بْنِ جُنَادَةَ وَأَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَأَتَّبِعِ السَّبِيحَةَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّجَهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقِي حَسَنٍ [رواه الترمذي وقال حديث حسن وفي بعض النسخ حسن صحيح]</p>	<p>Dari Abu Zar, Jundub bin Junadah dan Abu Abdurrahman, dan Mu'az bin Jabal radhiallahuanhuma dari Rasulullah ﷺ beliau bersabda: Bertaqwalah engkau kepada Allah walaupun di mana engkau berada, dan iringilah kejahatan dengan kebaikan, nescaya ia akan menghapuskan kejahatan tersebut dan bergaullah sesama manusia dengan budi pekerti yang baik.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>al-Marhum Ahmad Syauqi : Sesungguhnya umat ini tertegak dengan sebab akhlaknya. Apabila hilang akhlak mereka, maka hilanglah bangsa tersebut (Zulkifli,2021)</i>”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu sentiasa dalam bertaqwa, mempunyai niat yang baik, boleh menyantuni dengan baik serta tidak mengambil kesempatan atas kekurangan OKU.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu berintegriti dalam pengurusan dan amanah dengan tanggungjawab.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu memperbaiki kesilapan dengan segera serta berakhlak mulia dengan OKU, sesama sukarelawan,majikan dan pihak berkepentingan.</p>
<p>19</p>	<p>عَنْ أَبِي الْعَبَّاسِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كُنْتُ حُلْفَةَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا، فَقَالَ: يَا غُلَامُ إِنِّي أَعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ: أَحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ، أَحْفَظِ اللَّهَ بَجِدِّهِ تُجَاهَكَ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ</p>	<p>Dari Abu Al Abbas Abdullah bin Abbas radhiallahuanhuma, beliau berkata: Aku pernah duduk di belakang Nabi ﷺ pada suatu hari, lalu Baginda bersabda kepadaku: Wahai anak! Sesungguhnya aku mahu ajarkan engkau beberapa kalimah: Peliharalah Allah nescaya Allah akan memeliharamu. Peliharalah Allah nescaya engkau akan dapati Dia di hadapanmu. Apabila engkau meminta,</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu redha dan bulatkan kebergantungan kepada Allah sekiranya menghadapi apa-apa masalah.</p>

اللَّهُ وَإِذَا اسْتَعْنَتَ فَاسْتَعِنِ بِاللَّهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ
اجْتَمَعَتْ عَلَىٰ أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا
بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ، وَإِنْ اجْتَمَعُوا عَلَىٰ أَنْ
يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ
عَلَيْكَ، زُفَعَتِ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ [رواه
الترمذي وقال : حديث حسن صحيح وفي رواية
غير الترمذي: احفظ الله يحفظك الله يحفظك، تعرف إلى الله
في الرخاء يعرفك في الشدة، واعلم أن ما أخطأك
لم يكن ليصيبك، وما أصابك لم يكن ليخطئك،
واعلم أن النصر مع الصبر، وأن الفرج مع الكرب
وأن مع العسر يسرا].

maka pintalah dari Allah. Apabila engkau meminta pertolongan, maka mintalah pertolongan dengan Allah. Ketahuilah bahawa kalau umat ini berkumpul untuk memberikan sesuatu manfaat kepadamu, mereka tidak akan mampu memberikanmu manfaat kecuali dengan suatu perkara yang memang Allah telah tentukan untukmu. Sekiranya mereka berkumpul untuk memudharatkan kamu dengan suatu mudharat, nescaya mereka tidak mampu memudharatkan kamu kecuali dengan suatu perkara yang memang Allah telah tentukannya untukmu. Pena-pena telah diangkat dan lembaranlembaran telah kering (dakwatnya).

Hadis riwayat al-Imam al-Tirmizi. Beliau berkata: Ia adalah Hadis Hasan Sohih.

Dalam riwayat selain al-Tirmizi, hadis berbunyi: Peliharalah Allah, nescaya engkau akan dapatiNya di hadapan engkau. Kenalilah Allah ketika senang, nescaya Dia akan mengenalimu di ketika susah. Ketahuilah bahawa apa-apa yang (ditakdirkan) tidak menimpamu, ia tidak akan menimpamu. Dan apa-apa yang menimpamu bukannya ia tersilap menimpamu. Ketahuilah bahawa kemenangan itu ada bersama kesabaran, terlepas dari kesempitan itu ada bersama kesusahan dan bersama kesusahan itu ada kesenangan.

Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Anjuran Baginda ﷺ kepada sahabatnya supaya bergantung harap kepada Allah dan memohon pertolongan dengan-Nya. Inilah yang sepatutnya menjadi amalan umat Islam selaras dengan konsep surah al-Fatihah ayat 5 (Zulkifli,2021)”

-Seorang sukarelawan mesti berserah diri kepada Allah dalam apa jua urusan.

20	<p>عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ عُمَيْدٍ بْنِ عَمْرِو الْأَنْصَارِيِّ الْبَدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ الْأَوَّلِيِّ، إِذَا لَمْ تَسْتَحْ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ. [رواه البخاري]</p>	<p>Dari Abu Mas'ud Uqbah bin Amr Al Anshary Al Badry radhiallahuanhu dia berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: Sesungguhnya antara kata-kata ungkapan Kenabian terdahulu yang dapat diketahui dan dipetik oleh manusia ialah: Jika engkau tidak malu, maka lakukanlah apa sahaja yang engkau mahu.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Seseorang yang mempunyai sifat malu, mampu menjaga diri dan maruah dirinya daripada melakukan perkara yang bercanggah dengan norma-norma kehidupan dan bercanggah dengan syariat Allah SWT (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu menjauhi sikap hipokrit (iaitu jadi diri sendiri sekiranya perkara itu baik).</p>
----	---	---	---

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

<p>21</p>	<p>عَنْ أَبِي عَمْرٍو، وَقِيلَ : أَبِي عَمْرَةَ سُفْيَانُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ التَّمَفِّي رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ قُلْ لِي فِي الْإِسْلَامِ قَوْلًا لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا غَيْرَكَ . قَالَ : قُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ ثُمَّ اسْتَقَمْتُ [رواه مسلم]</p>	<p>Dari Abu Amr, -ada juga yang mengatakan- : Abu ‘Amrah, Sufyan bin Abdilllah Ats Tsaqofi radhiallahuanhu dia berkata, Aku berkata: Wahai Rasulullah! Ajarkan untukku dalam Islam suatu ucapan yang aku tidak perlu lagi bertanya kepada orang lain selainmu. Baginda bersabda: Ucapkanlah: Aku beriman kepada Allah. Kemudian hendaklah engkau beristiqamah.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Perkataan istiqamah mengandungi maksud mujahadah. Istiqamah terhadap agama tidak akan datang melainkan selepas kesusahan dan kesabaran (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu menghayati kesemua rukun iman dan beristiqomah dengan penghayatan rukun iman tersebut.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu memiliki kemahiran komunikasi yang betul mengikut jenis OKU.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu menyasarkan bentuk bantuan yang membuahkn manfaat yang tersebar untuk dunia dan akhiratnya.</p>
<p>22</p>	<p>عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : أَرَأَيْتَ إِذَا صَلَّيْتُ الْمَكْتُوبَاتِ، وَصُمْتُ رَمَضَانَ، وَأَحْلَلْتُ الْحَلَالَ، وَحَرَمْتُ الْحَرَامَ، وَمَآ أَرِيدُ</p>	<p>Dari Abu Abdullah, Jabir bin Abdullah Al Anshary radhiallahuanhuma: Bahawa seorang lelaki telah bertanyakan Rasulullah ﷺ, dia berkata: Bagaimana pandanganmu jika aku mendirikan sembahyang-sembahyang fardhu, aku berpuasa bulan Ramadhan, aku menghalalkan perkara yang halal dan aku mengharamkan perkara yang haram. Aku tidak akan menambah apa-apa lagi lebih daripada itu. Apakah aku akan masuk syurga? Baginda bersabda: Ya!</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu mempunyai penghayatan rukun Iman Islam dan amalan kebiasaan adat.</p>

	<p>على ذلك شيئاً، أَدْخُلُ الْجَنَّةَ ؟ قَالَ : نَعَمْ . [رواه مسلم]</p>	<p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Sesiapa yang memelihara kewajipan, melaksanakannya tepat pada waktu dan tanpa sedikitpun menambah atau mengurangnya maka dia adalah orang yang beruntung dan berjaya (Zulkifli,2021)”</p>	
23	<p>عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْحَارِثِيِّ ابْنِ عَاصِمٍ الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ – أَوْ تَمْلَأُنِ – مَا بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ، وَالصَّلَاةُ نُورٌ، وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ، وَالْقُرْآنُ حُجَّةٌ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ . كُلُّ النَّاسِ يَعُدُّو فَبَائِعِ نَفْسَهُ فَمُعْتِقُهَا أَوْ مُؤْبِقُهَا [رواه مسلم]</p>	<p>Dari Abu Malik Al Haritsy bin ‘Ashim Al ‘Asy’ary radhiallahuanhu dia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Kebersihan itu sebahagian daripada iman. Ucapan zikir al-Hamdulillah memenuhi neraca timbangan. Ucapan zikir Subhaanallah dan al-Hamdulillah kedua-duanya memenuhi ruangan antara langit dan bumi. Sembahyang itu adalah cahaya. Sedekah itu adalah saksi. Sabar itu adalah sinaran. Al-Qur'an itu adalah hujah bagimu atau hujah ke atasmu. Setiap manusia keluar waktu pagi, ada yang menjual dirinya, ada yang memerdekakan dirinya dan ada pula yang mencelakakan dirinya.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Menjaga solat mendatangkan petunjuk dan memperbaiki keadaan muslim terhadap manusia, membezakannya dengan akhlak dan perilakunya, sifat wara’ dan taqwanya (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan mesti sentiasa mengingati Allah serta sabar.</p> <p>-Seorang sukarelawan menjadikan Quran sebagai pengangan hidupnya.</p> <p>-Seorang sukarelawan juga perlu bertanggungjawab dan menjaga kebersihan diri luar dan dalam.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu berjiwa khidmat di samping sentiasa menjaga solat.</p>
24	<p>عَنْ أَبِي دَرِّ الْعَفَّارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا يَرَوِيهِ عَنْ رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَنَّهُ قَالَ : يَا عِبَادِي إِنِّي خَرَفْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا، فَلَا تَظَالَمُوا . يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ ضَالٌّ إِلَّا مَنْ هَدَيْتُهُ، فَاسْتَهْدُونِي أَهْدِيكُمْ . يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ جَائِعٌ إِلَّا مَنْ أَطْعَمْتُهُ فَاسْتَطْعَمُونِي أَطْعِمْكُمْ . يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ عَارٍ إِلَّا مَنْ كَسَوْتُهُ فَاسْتَكْسَمُونِي أَكْسِكُمْ . يَا عِبَادِي إِنَّكُمْ</p>	<p>Dari Abu Dzar Al Ghifari radhiallahuanhu dari Rasulullah ﷺ sebagaimana beliau riwayatkan dari Rabbnya Azza Wajalla bahwa Dia berfirman: Wahai hamba-hambaKu! Sesungguhnya aku mengharamkan ke atas diriKu kezaliman dan Aku jadikannya di kalangan kamu sebagai suatu perkara yang diharamkan, maka janganlah kamu saling zalim-menzalimi. Wahai hamba-hambaKu! Kamu semua sesat kecuali orang yang Aku hidayatkannya, maka hendaklah kamu meminta hidayat dariKu nescaya Aku memberikan kamu petunjuk.</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu mempunyai sifat adil dan hikmah dan bertawakal (bergantung penuh pada Allah).</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu menjaga kehormatan diri dan</p>

تُحْتَطُونَ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَأَنَا أَعْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعاً، فَاسْتَغْفِرُونِي أَعْفِرْ لَكُمْ، يَا عِبَادِي إِنَّكُمْ لَنْ تَبْلُغُوا ضُرِّي فَتَضُرُّونِي، وَلَنْ تَبْلُغُوا نَفْعِي فَتَنْفَعُونِي . يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوْلَكُمْ وَأَخِيْرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَنَّتْكُمْ كَانُوا عَلَى أَنْفِي قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ مِنْكُمْ مَا زَادَ ذَلِكَ فِي مُلْكِي شَيْئاً . يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوْلَكُمْ وَأَخِيْرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَنَّتْكُمْ كَانُوا عَلَى أَفْجَرِ قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ مِنْكُمْ مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِنْ مُلْكِي شَيْئاً . يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوْلَكُمْ وَأَخِيْرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَنَّتْكُمْ قَامُوا فِي صَعِيدٍ وَاحِدٍ فَسَأَلُونِي فَأَعْطَيْتُ كُلَّ وَاحِدٍ مَسْأَلَتَهُ مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِمَّا عِنْدِي إِلَّا كَمَا يَنْقُصُ الْمَخِيْطُ إِذَا أُدْخِلَ الْبَحْرَ . يَا عِبَادِي إِنَّمَا هِيَ أَعْمَالُكُمْ أُحْصِيْنَهَا لَكُمْ ثُمَّ أُؤْتِيْنَكُمْ بِهَا فَمَنْ وَجَدَ خَيْرًا فَلْيُحْمَدِ اللَّهَ وَمَنْ وَجَدَ غَيْرَ ذَلِكَ فَلَا يَلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ . [رواه مسلم]

Wahai hamba-hambaKu! Kamu semua lapar kecuali orang yang Aku beri makan, maka hendaklah kamu meminta makan daripadaKu nescaya Aku akan berikan kamu makan. Wahai hamba-hambaKu! Kamu semua telanjang kecuali orang yang Aku berikannya pakaian, maka hendaklah kamu meminta pakaian daripadaKu nescaya Aku akan berikan kamu pakaian. Wahai hamba-hambaKu! Sesungguhnya kamu bersalah siang dan malam dan Aku mengampunkan semua dosa, maka mintalah keampunan daripadaKu nescaya Aku akan ampunkan kamu.

Wahai hamba-hambaKu! Selama-lamanya kamu tidak akan mampu memudharatkan Aku sehingga kamu boleh memudharatkan Aku. Wahai hamba-hambaKu! Dan selama-lamanya kamu tidak akan mampu memberi manfaat kepada Aku sehingga kamu boleh memberi manfaat kepada Aku. Wahai hamba-hambaKu! Sekiranya orang-orang yang terdahulu dan terkemudian dari kamu, manusia dan jin di kalangan kamu, sekiranya mereka semua mempunyai hati bertaqwa umpama hati orang yang paling bertaqwa di kalangan kamu, nescaya hal itu tidak menambahkan apa-apapun dalam kerajaanKu. Wahai hamba-hambaKu! Sekiranya orang-orang yang terdahulu dan terkemudian dari kamu, manusia dan jin di kalangan kamu, sekiranya mereka semua mempunyai hati jahat umpama hati orang yang paling jahat di kalangan kamu, nescaya hal itu tidak mengurang-cacatkan apa-apapun dalam kerajaanKu.

Wahai hamba-hambaKu! Sekiranya orang-orang yang terdahulu dan terkemudian dari kamu, manusia dan jin di kalangan kamu, sekiranya mereka semua mempunyai hati jahat umpama hati orang yang paling jahat di kalangan kamu, nescaya hal itu tidak mengurang-cacatkan apa-apapun dalam kerajaanKu. Wahai hamba-hambaKu! Sekiranya orang-orang yang terdahulu dan terkemudian dari kamu, manusia dan jin di kalangan kamu, sekiranya

hanya mengharapkan perhatian Allah (raja’).

		<p>mereka semua berhimpun di suatu tempat, lalu mereka meminta daripadaKu (iaitu meminta sesuatu pemberian), lantas Aku kurniakan setiap orang dari kalangan mereka permintaannya, nescaya hal itu tidak mengurangkan sedikitpun apa-apa yang ada di sisiKu kecuali umpama berkurangnya air laut apabila dicelupkan sebatang jarum. Wahai hamba-hambaKu! Bahawa sesungguhnya hanya amalan kamu yang Aku akan perhitungkannya bagi kamu, kemudian Aku sempurnakan pembalasannya. Maka barangsiapa yang mendapat kebaikan maka hendaklah dia memuji Allah dan barangsiapa yang mendapat selain kebaikan, maka janganlah dia mencela kecuali mencela dirinya sendiri.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Hadis ini mendidik jiwa orang mukmin agar mengharap kepada Allah SWT, seterusnya merendah diri di hadapan Allah SWT Yang Maha Kaya. Maka mohonlah kepada Allah SWT atas setiap permintaan dan permohonan (Zulkifli,2021)</i>”</p>	
25	<p>عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالُوا لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، ذَهَبَ أَهْلُ الدُّنْيَا بِالْأَجْوَرِ يُصَلُّونَ كَمَا نُصَلِّي، وَيَصُومُونَ كَمَا نَصُومُ، وَيَتَصَدَّقُونَ بِفُضُولِ أَمْوَالِهِمْ قَال : أَوْ لَيْسَ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ مَا تَصَدَّقُونَ : إِنَّ لَكُمْ بِكُلِّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ وَكُلِّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ وَكُلِّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلِّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ وَأَمْرٍ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ وَنَهْيٍ عَنِ مُنْكَرٍ صَدَقَةٌ وَبِئْسَ أَحَدِكُمْ صَدَقَةً قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيَأْتِي أَحَدُنَا شَهْوَتُهُ وَيَكُونُ لَهُ فِيهَا أَجْرٌ ؟ قَالَ</p>	<p>Dari Abu Dzar radhiallahuanhu: Sesungguhnya sejumlah orang dari sahabat Rasulullah ﷺ berkata kepada Rasulullah ﷺ: Wahai Rasulullah! Orang-orang kaya telah mendapat banyak pahala. Mereka sembahyang sebagaimana kami sembahyang, mereka berpuasa sebagaimana kami berpuasa dan mereka bersedekah dengan lebih harta mereka. Baginda bersabda: Bukankah Allah telah menjadikan bagi kamu sesuatu yang kamu boleh bersedekah dengannya? Sesungguhnya dengan setiap kali tasbih itu adalah sedekah, setiap kali takbir itu adalah sedekah, setiap kali tahmid itu adalah sedekah, setiap kali tahlil itu adalah sedekah, menyuruh amar ma'aruf itu sedekah, menegah mungkar itu sedekah dan pada kemaluan seseorang kamupun adalah sedekah. Mereka bertanya: Ya Rasulullah! Adakah apabila salah seorang kami melepaskan syahwatnya pun dia beroleh pahala? Baginda bersabda: Bagaimana pandangan kamu kalau dia melepaskan syahwatnya pada tempat haram, adakah dia</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu ada rasa bertanggungjawab dan bersungguh-sungguh dalam melakukan kebaikan.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu menggunakan tenaga, masa dan idea untuk membantu OKU.</p>

	<p>: أَرَأَيْتُمْ لَوْ وَضَعَهَا فِي حَرَامٍ كَانَ عَلَيْهِ وِزْرٌ ؟ فَكَذَلِكَ إِذَا وَضَعَهَا فِي الْحَلَالِ كَانَ لَهُ أَجْرٌ . (رواه مسلم)</p>	<p>berdosa? Maka demikian jugalah apabila dia melepaskannya pada tempat yang halal, dia beroleh pahala.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Jangan sesekali memandang rendah dan remeh terhadap setiap kebaikan dan kebajikan yang dilakukan. Hal ini kerana setiap kebaikan tersimpan pahala dan rahmat Allah SWT. Sekalipun ia kecil (Zulkifli,2021)</i>”</p>	
26	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : كُلُّ سُلاَمَى مِنْ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ، كُلُّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ تَعْدِلُ بَيْنَ اثْنَيْنِ صَدَقَةٌ، وَتُعِينُ الرَّجُلَ فِي دَابَّتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ، وَبِكُلِّ خَطْوَةٍ تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ وَتَمْشِي طَرِيقَ الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ . (رواه البخاري ومسلم)</p>	<p>Dari Abu Hurairah radhiallahuanhu dia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda : Setiap anggota badan manusia adalah sedekah baginya pada setiap hari apabila terbit matahari; engkau berlaku adil (iaitu mendamaikan) antara dua orang (iaitu dua orang yang berbalah) adalah sedekah, engkau membantu seseorang naik kenderaannya atau mengangkat barang-barangnya ke atas kenderaannya adalah sedekah, perkataan yang baik adalah sedekah, setiap langkah yang engkau hayunkan kaki pergi sembahyang adalah sedekah dan menghilangkan sesuatu bahaya di jalanraya adalah sedekah.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Hadis ini juga menyarankan kepada setiap Muslim agar konsisten dan berterusan melakukan kebaikan pada setiap hari..lakukanlah kebaikan pada setiap masa, pada setiap tempat dan pada semua orang. Semoga kebaikan ini menjadi sebab untuk kita memperoleh Rahmat Allah SWT (Zulkifli,2021)</i>”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu berbuat baik serta menganggap tugas sukarelawan sebagai tanggungjawab.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu menganggap tugas sukarelawan sebagai ibadah.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu memperjuangkan hak kepada OKU dan menjaga pertuturannya.</p>
27	<p>عَنْ النَّوَّاسِ بْنِ سَمْعَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الْبِرُّ حُسْنُ الْخُلُقِ وَالْإِيمَانُ مَا خَاكَ فِي نَفْسِكَ وَكَرِهْتَ أَنْ يَطَّلِعَ عَلَيْهِ النَّاسُ . [رَوَاهُ مُسْلِمٌ] .</p> <p>وَعَنْ وَابِشَةَ بِنْتِ مَعْبُدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : جِئْتِ تَسْأَلُ عَنِ الْبِرِّ</p>	<p>Dari Nawwas bin Sam'an radhiallahuanhu, dari Rasulullah ﷺ beliau bersabda: Kebajikan itu ialah keelokan budi pekerti dan dosa itu ialah apa yang tergetar dalam dirimu dan engkau benci orang lain mengetahuinya. Hadis riwayat al-Imam Muslim.</p> <p>Dan dari Wabishah bin Ma'bad radhiallahuanhu dia berkata: Saya mendatangi Rasulullah ﷺ, lalu beliau bersabda: Engkau datang mahu bertanya tentang</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu mempunyai kemahiran membezakan kebaikan dan keburukan.</p>

	<p>قُلْتُ : نَعَمْ، قَالَ : اسْتَقَمْتُ قَلْبَكَ، أَلَيْسَ مَا اطْمَأَنَّتَ إِلَيْهِ النَّفْسُ وَاطْمَأَنَّ إِلَيْهِ الْقَلْبُ، وَالْإِيمُ مَا حَاكَ فِي النَّفْسِ وَتَرَدَّدَ فِي الصَّدْرِ، وَإِنْ أَفْتَاكَ النَّاسُ وَأَفْتَوْكَ [حديث حسن رويناه في مسندي الإمامين أحمد بن حنبل والدارمي بإسناد حسن]</p>	<p>kebajikan? Aku berkata: Ya. Baginda bersabda: Mintalah fatwa dari hatimu. Kebajikan itu ialah suatu perkara yang diri dan hati merasa tenang tenteram terhadapnya, dan dosa itu ialah suatu perkara yang tergetar dalam dirimu dan teragak-agak di hati, sekalipun ada orang yang memberikan fatwa kepadamu dan mereka memberikan fatwa kepadamu.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Dalam al-Wafi menyebut : Dosa ada dua alamat. Alamat dalaman iaitu sesuatu yang lahir dalam jiwa seperti gelisah, resah, melarikan diri dan benci kerana jiwa tidak merasa tenang terhadapnya (Zulkifli,2021)</i>”</p>	
28	<p>عَنْ أَبِي نَجِيحٍ الْعُرْبَايِزِيِّ بْنِ سَارِيَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : وَعَظَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَوْعِظَةً وَجَلَّتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ، وَدَرَفَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ، فَقُلْنَا : يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَأَنَّمَا مَوْعِظَةُ مُوَدَّعٍ، فَأَوْصِنَا، قَالَ : أَوْصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ تَأَمَّرَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ، فَإِنَّهُ مِنْ يَعْشَ مِنْكُمْ فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا. فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ عَضُوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ، وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّ كُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ [رواه داود والترمذي وقال : حديث حسن صحيح]</p>	<p>Dari Abu Najih Al Irbadh bin Sariah radhiallahuanhu dia berkata: Rasulullah ﷺ telah menasihati kami suatu nasihat yang menggetarkan hati dan mencururkan airmata. Kami berkata: Ya Rasulullah! Ia seolah-olah nasihat orang yang mahu mengucapkan selamat tinggal, maka berikanlah kami wasiat. Baginda bersabda: Aku mewasiatkan kamu supaya bertaqwa kepada Allah 'Azza Wajala, supaya mendengar dan taat, sekalipun kamu diperintah oleh seorang hamba. Sesungguhnya, barangsiapa di kalangan kamu yang masih hidup nanti, necaya dia akan melihat banyak perselisihan. Maka hendaklah kamu mengikuti sunnahku dan sunnah khulafa' Rasyidin yang mendapat hidayat. Gigitlah ia dengan kuat (iaitu berpegang teguhlah kamu dengan sunnah-sunnah tersebut) dan berwaspadalah kamu dari melakukan perkara-perkara yang diada adakan, kerana setiap perkara yang diada-adakan itu adalah bid'ah dan setiap bid'ah itu adalah sesat dan setiap kesesatan itu dalam neraka.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Bersungguh-sungguh dalam memberikan nasihat dan mendidik diri, keluarga dan masyarakat..Berpegang teguh dengan sunnah Nabi ﷺ dan Khulafa' al-Rasyidin (Zulkifli,2021)</i>”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu mengamalkan sunnah serta bersungguh- sungguh dalam memberi nasihat kepada OKU.</p>

29

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَخْبِرْنِي بِعَمَلٍ يُدْخِلُنِي الْجَنَّةَ وَيُبَاعِدُنِي عَنِ النَّارِ، قَالَ : لَقَدْ سَأَلْتُ عَنْ عَظِيمٍ، وَإِنَّهُ لَيْسَ بِشَيْءٍ عَلَيَّ مِنْ سِرِّهِ اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ : تَعْبُدُ اللَّهَ لَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا، وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِي الرِّكَاتَ، وَتَصُومُ رَمَضَانَ، وَتَحُجُّ الْبَيْتَ، ثُمَّ قَالَ : أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى أَبْوَابِ الْجَنَّةِ ؟ الصَّوْمُ جَنَّةٌ، وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْحَطِيبَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ، وَصَلَاةُ الرَّجُلِ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ،

ثم تلا : { تتجاف جنوبهم عن المضاجع } حتى بلغ : { يعملون } (السجدة : 16 – 17)

ثُمَّ قَالَ : أَلَا أُخْبِرُكَ بِرَأْسِ الْأَمْرِ وَعُمُودِهِ وَدُرُوزَةِ سَنَامِهِ ؟ قُلْتُ بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعُمُودُهُ الصَّلَاةُ وَدُرُوزَةُ سَنَامِهِ الْجِهَادُ. ثُمَّ قَالَ : أَلَا أُخْبِرُكَ بِمَلَكَ ذَلِكَ كُلِّهِ ؟ فَقُلْتُ : بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ . فَأَخَذَ بِلِسَانِهِ وَقَالَ : كُفِّ عَيْنَكَ هَذَا. قُلْتُ : يَا نَبِيَّ اللَّهِ، وَإِنَّا لَمُؤَاخِدُونَ بِمَا نَتَكَلَّمُ بِهِ ؟ فَقَالَ : نَكَلْتُكَ أُمَّكَ، وَهَلْ يَكُفُّ النَّاسُ فِي النَّارِ عَلَى وُجُوهِهِمْ—أَوْ قَالَ : عَلَى مَنَاخِرِهِمْ— إِلَّا خَصَائِدَ أَلْسِنَتِهِمْ . [رواه الترمذي وقال : حديث حسن صحيح]

Dari Mu'az bin Jabal radhiallahuanhu dia berkata: Aku berkata: Ya Rasulullah! Terangkan padaku suatu amalan yang boleh memasukkan aku ke dalam syurga dan menjauhkan aku daripada api neraka. Baginda bersabda: Sesungguhnya engkau telah bertanya suatu perkara besar, namun sesungguhnya ia adalah ringan bagi orang yang dipermudahkan Allah; iaitu engkau menyembah Allah, jangan mensyirikkanNya dengan sesuatu, engkau mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, berpuasa bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah.

Kemudian Baginda bersabda: Apakah engkau mahu aku tunjukkan beberapa pintu kebajikan? Puasa itu adalah perisai, sedekah dapat madamkan dosa seumpama air memadamkan api dan sembahyang seorang lelaki di tengah malam. Kemudian Baginda membaca ayat al-Qur'an yang bererti: (Tulangtulang rusuk mereka telah renggang dari tempat tidur mereka. Mereka menyeru Tuhan mereka dengan perasaan takut dan penuh harapan dan mereka membelanjakan sebahagian rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka. Seseorang tidak mengetahui apakah yang disembunyikan bagi mereka yang terdiri daripada perkara yang menyejukkan mata sebagai balasan terhadap amalan yang mereka telah lakukan).

Kemudian Baginda bersabda: Apakah engkau mahu aku khabarkan kepadamu tunggak segala amal, tiang-tiangnya dan puncaknya? Aku berkata: Mahu ya Rasulullah! Baginda bersabda: Tunggak amalan ialah Islam, tiang-tiangnya ialah sembahyang dan puncaknya ialah jihad.

Kemudian Baginda bersabda: Apakah engkau mahu aku khabarkan kepadamu kunci segala perkara tersebut? Aku berkata: Mahu ya Rasulullah! Lalu Baginda memegang lidahnya seraya bersabda: Peliharalah benda ini! Aku berkata: Ya Nabi Allah! Adakah kita akan diseksa lantaran apa yang dibicarakannya?

-Seorang sukarelawan perlu mempunyai peribadi muslim yang baik.

-Seorang sukarelawan perlu menjaga pertuturan.

		<p>Baginda bersabda: Ibumu akan kehilanganmu wahai Mu'az! Tiadalah manusia itu dihumbankan mukanya - atau Baginda bersabda - dihumbankan batang hidungnya ke dalam api neraka kecuali kerana hasil tanaman lidah-lidah mereka.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Bahaya lidah dan balasan ke atas perilakunya dan lidah boleh mencampakkan tuannya ke dalam neraka hasil daripada tuaiannya. Dengan sebab itulah para salafussoleh mengambil berat berkenaan penjagaan lidah (Zulkifli,2021)</i>”</p>	
30	<p>عَنْ أَبِي ثَعْلَبَةَ الْحُشَنِيِّ جُرْثُومِ بْنِ نَاشِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى فَرَضَ فَرَائِضَ فَلَا تُضَيِّعُوهَا، وَحَدَّ حُدُودًا فَلَا تَعْتَدُوهَا، وَحَرَّمَ أَشْيَاءَ فَلَا تَتَّبِعُوهَا، وَسَكَتَ عَنْ أَشْيَاءَ رَحِمَهُ لَكُمْ غَيْرَ نِسْيَانٍ فَلَا تَبْحَثُوا عَنْهَا . [حديث حسن رواه الدارقطني وغيره] .</p>	<p>Dari Abi Tsa'labah Al Khusyani Jurtsom bin Nasyir radhiallahuanhu, dari Rasulullah ﷺ dia berkata: Sesungguhnya Allah Ta'ala telah memfardhukan beberapa fardhu maka janganlah kamu menghilangkannya (iaitu janganlah kamu mempersia-siakannya dan meninggalkannya), Dia telah menentukan beberapa batasan, maka janganlah kamu melampauinya, Dia telah mengharamkan beberapa perkara, maka janganlah kamu mencabulinya dan Dia tidak menyatakan hukum tentang beberapa perkara, maka janganlah kamu cuba menyelidikinya.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Hadis ini menekankan bahawa syariat Islam bersifat mudah dan tidak menyusahkan (Zulkifli,2021)</i>”</p>	-Seorang sukarelawan perlu mempunyai sikap bersederhana.
31	<p>عَنْ أَبِي الْعَبَّاسِ سَهْلِ بْنِ سَعْدِ السَّاعِدِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ذُلِّي عَلَيَّ عَمَلٍ إِذَا عَمَلْتُهُ أَحَبَّنِي اللَّهُ وَأَحَبَّنِي النَّاسُ، فَقَالَ : اِرْهَدْ فِي الدُّنْيَا حُبَّكَ اللَّهُ، وَارْهَدْ فِيمَا عِنْدَ</p>	<p>Dari Abu Abbas Sahl bin Sa'ad Assa'idi radhiallahuanhu dia berkata: Seseorang mendatangi Rasulullah ﷺ, maka beliau berkata: Wahai Rasulullah! Tunjukkan daku suatu amalan yang apabila aku lakukannya, aku dikasihi oleh Allah dan dikasihi oleh manusia. Baginda bersabda: Zuhudlah engkau terhadap dunia, nescaya Allah kasihkan engkau dan zuhudlah terhadap apa yang ada pada manusia, nescaya manusia akan mengasihimu.</p>	-Seorang sukarelawan perlu ikhlas tanpa mengharapkan balasan dan tidak menjadikan dunia sebagai matlamat hidup (iaitu zuhud serta Qana'ah).

	<p>التَّاسِي يُجِيبُكَ النَّاسُ. [حديث حسن رواه ابن ماجه وغيره بأسانيد حسنة]</p>	<p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Zuhud dalam menjauhi perkara yang haram dan terlarang adalah diutamakan..Jangan mengharapkan pemberian dan habuan dunia di sisi orang lain (Zulkifli,2021)</i>”</p>	
32	<p>عَنْ أَبِي سَعِيدٍ سَعْدِ بْنِ سِنَانَ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ [حَدِيثٌ حَسَنٌ رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ وَالْذَاقُطْنِيُّ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْعُودٍ، وَرَوَاهُ مَالِكٌ فِي الْمَوْطَأِ مُرْسَلًا عَنْ عَمْرِو بْنِ يَحْيَى عَنْ أَبِيهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْمَطُ أَبَا سَعِيدٍ وَلَهُ طُرُقٌ يُفْوِي بَعْضُهَا بَعْضًا]</p>	<p>Dari Abu Sa'id, Sa'ad bin Sinan Al Khudri radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda: Tidak ada mudharat dan tidak boleh melakukan kemudharatan.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Segala perbuatan yang memudaratkan yang disebut oleh Allah dan RasulNya hendaklah dijauhi seperti zina,riba dan lain-lain..Wajib bagi kita menjauhkan diri dari kemudharatan diri dan juga orang lain (Zulkifli,2021)</i>”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu meninggalkan perkara yang memberi kemudahan.</p> <p>-Seorang sukarelawan mesti tidak memberi kemudahan kepada orang lain.</p>
33	<p>عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ، لَادَّعَى رَجُلٌ أَمْوَالَ قَوْمٍ وَدِمَاءَهُمْ، لَكِنَّ النَّبِيَّ عَلَى الْمُدَّعِي وَالْيَمِينِ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ [حديث حسن رواه البيهقي وغيره هكذا، وبعضه في الصحيحين]</p>	<p>Dari Ibnu Abbas radhiallahuanhuma, sesungguhnya Rasulullah ﷺ: Sekiranya manusia diberikan setiap tuntutan dan dakwaan mereka, nescaya ramai orang akan menuntut harta dan darah kaum lain (iaitu menuntut bunuh balas), akan tetapi mestilah tuntutan itu terbukti keterangan bagi pihak yang mendakwa dan sumpah bagi orang yang tidak mengaku.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Seorang Muslim tidak seharusnya menuduh atau mendakwa apa-apa kesalahan terhadap seseorang mukmin tanpa bukti dan keterangan yang jelas (Zulkifli,2021)</i>”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu bertindak berdasarkan bukti.</p>
34	<p>عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَعْبِرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ. [رواه مسلم]</p>	<p>Dari Abu Sa'id Al Khudri radhiallahuanhu berkata : Saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: Barangsiapa di kalangan kamu melihat suatu kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Sekiranya dia tidak mampu maka hendaklah dia mengubahnya dengan lidahnya. Sekiranya dia tidak</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu berani mencegah kemungkaran.</p>

		<p>mampu maka hendaklah dia mengubahnya dengan hatinya. Yang sedemikian itu adalah selemah-lemah iman.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : <i>“..Peningkaran kepada kemaksiatan hendaklah berdasarkan pengetahuan yang jelas bahawa sesuatu itu adalah sebenar-benar maksiat, bukan mencegah dalam perkara yang menjadi perselisihan ulama dalam masalah fiqh (Zulkifli,2021)”</i></p>	
35	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَنَاجَشُوا وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَلَا يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُجَدَّلُهُ وَلَا يَكْدِبُهُ وَلَا يَخْفَرُهُ. التَّقْوَى هَهْنَا - وَيُشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ - بِحَسَبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْفَرَ أَحَاهُ الْمُسْلِمِ، كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعَرْضُهُ. (رواه مسلم)</p>	<p>Dari Abu Hurairah radhiallahuanhu dia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Janganlah kamu saling dengki mendengki, tipu menipu, benci membenci, belakang membelakangi antara satu sama lain. Janganlah sebahagian kamu menjual barangan atas jualan orang lain. Hendaklah kamu menjadi hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seorang muslim adalah saudara bagi seorang muslim; dia tidak boleh menzaliminya, membiarkannya (dalam kehinaan), membohonginya dan menghينanya. Ketaqwaan itu di sini - sambil Baginda menunjuk ke dadanya sebanyak tiga kali - Cukuplah seseorang itu mendapat keburukan apabila dia menghina saudaranya yang muslim. Setiap orang muslim ke atas muslim itu haram darahnya, hartanya dan maruah dirinya.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : <i>“..Memperdamaikan perselisihan yang berlaku di antara muslim adalah sikap yang terpuji. Antara yang perlu diawasi ialah jangan menghina saudara seIslam kerana ia merupakan peringatan yang besar (Zulkifli,2021)”</i></p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu mempunyai sifat bertoleransi serta mampu menjaga maruah dan harga diri OKU.</p> <p>-Seorang sukarelawan mesti bersikap hormat-menghormati dan mempunyai semangat persaudaraan.</p>
36	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنَ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنَ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا</p>	<p>Dari Abu Hurairah radhiallahuanhu, dari Rasulullah ﷺ bersabda: Barangsiapa yang melepaskan seorang mukmin daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, nescaya Allah akan melepaskannya daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan Qiamat. Barangsiapa yang mempermudah bagi orang susah, nescaya Allah akan mempermudah</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu menutup aib seseorang OKU.</p> <p>-Seorang sukarelawan mesti mempunyai keinginan</p>

	<p>سَرَّهُ اللهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَعْيُنِهِ. وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَعَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ، وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ، وَمَنْ بَطَأَ فِي عَمَلِهِ لَمْ يُسْرَعْ بِهِ نَسَبُهُ. [متفق عليه]</p>	<p>baginya di dunia dan di akhirat. Barangsiapa yang menutup ke'aiban seorang muslim, nescaya Allah akan menutup ke'aibannya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa bersedia menolong hambaNya selagi mana dia suka menolong saudaranya. Barangsiapa yang melalui suatu jalan untuk menuntut ilmu, nescaya Allah akan mempermudah baginya suatu jalan menuju ke syurga. Sesuatu kaum tidak berkumpul di salah sebuah rumah-rumah Allah (iaitu masjid) sambil mereka membaca Kitab Allah dan mengkajinya sesama mereka melainkan suasana ketenangan akan turun ke atas mereka, rahmat akan melitupi mereka dan mereka akan di kelilingi oleh para malaikat dan Allah akan menyebut (perihal) mereka kepada orang-orang yang berada di sisiNya. Barangsiapa yang terlambat amalannya, nescaya nasab keturunannya tidak mampu mempercepatkannya.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : <i>“..Sesungguhnya individu dalam masyarakat Islam merupakan anggota kepada tubuh yang satu. Setiap anggota menjiwai perasaan orang lain.. Cintakan ilmu adalah antara yang terpuji dalam menuju kejayaan hidup (Zulkifli,2021)”</i></p>	<p>menambah ilmu dan berusaha meringankan beban OKU.</p>
37	<p>عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا، عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا يَرَوِيهِ عَنْ رَبِّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى : إِنَّ اللهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ، ثُمَّ بَيَّنَّ ذَلِكَ : فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمَلَهَا كَتَبَهَا اللهُ عِنْدَهُ عَشْرَةَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ، وَإِنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمَلَهَا كَتَبَهَا اللهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً [رواه البخاري ومسلم في صحيحهما بهذه الحروف]</p>	<p>Dari Ibnu Abbas radhiallahuanhuma, dari Rasulullah ﷺ sebagaimana dia riwayatkan dari Rabbnya Yang Maha Suci dan Maha Tinggi: Sesungguhnya Allah telah menulis segala amal kebajikan dan amal kejahatan, kemudian Dia memperjelasnya; maka barangsiapa yang terlintas mahu mengerjakan suatu kebajikan tetapi dia tidak melakukannya, Allah akan menulis kebajikan itu di sisiNya sebagai satu kebajikan sepenuhnya. Sekiranya dia terlintas mahu mengerjakan suatu kebajikan lalu dia melakukannya, Allah akan menulis kebajikan itu di sisiNya sepuluh kebajikan sehingga 700 kali ganda dan sehingga berlipat-ganda yang sangat banyak. Dan sekiranya dia terlintas mahu mengerjakan suatu kejahatan tetapi dia tidak melakukannya, Allah akan menulis di sisi-Nya sebagai satu kebajikan sepenuhnya. Sekiranya dia terlintas</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu sentiasa bermotivasi melakukan kebaikan.</p>

		<p>mahu mengerjakan suatu kejahatan dan dia melakukannya, Allah akan menulis kejahatan itu di sisi-Nya dengan satu kejahatan sahaja.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Seseorang muslim hendaklah sentiasa meniatkan perbuatan baik dan membuktikannya dengan begitu akan ditulis pahala dan ganjarannya (Zulkifli,2021)”</p>	
38	<p>عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَالَ : مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنَنْتُهُ بِالْحَرْبِ، وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُهُ عَلَيْهِ، وَلَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُجِبَّهُ، فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ، وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا، وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا، وَلَيْنَ سَأَلَنِي لِأَعْطَيْتَهُ، وَلَيْنَ اسْتَعَاذَنِي لِأَعِيذَنَّهُ (رواه البخاري)</p>	<p>Dari Abu Hurairah radhiallahuanhu berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: Sesungguhnya Allah ta'ala berfirman: Barangsiapa yang memusuhi seorang waliKu, maka Aku akan isytiharkan perang terhadapnya. Seorang hambaKu tidak bertaqqarub (iaitu menghampirkan dirinya) kepadaKu dengan suatu amalan yang lebih Aku sukai lebih daripada amalan yang Aku fardhukan ke atasnya. Seseorang hamba sentiasa bertaqqarub dirinya kepadaKu, dengan amalanamalan sunat sehingga Aku mencintainya. Apabila Aku sudah mencintainya, maka jadilah Aku pendengarannya yang dia mendengar sesuatu dengannya, jadilah Aku penglihatannya yang dia melihat sesuatu dengannya, jadilah Aku tangannya yang dengannya dia melakukan kerja, jadilah Aku kakinya yang dengannya dia berjalan. Sekiranya dia meminta daripadaKu Aku akan kurniaknya dan sekiranya dia meminta perlindungan dariKu nescaya Aku akan melindunginya.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..Amal kebajikan yang paling disukai oleh Allah SWT adalah dengan mengerjakan apa yang telah difardhukan olehNya..perbanyakkan amal nawafil yang boleh meraih cinta Allah SWT (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu menjaga amalan wajib dan memperbanyakkan amalan sunat.</p>
39	<p>عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ اللَّهَ يَجَاوِزُ لِي عَنْ أُمَّتِي : الْخَطَأَ</p>	<p>Dari Ibnu Abbas radiallahuanhuma: Sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda: Sesungguhnya Allah telah mengampunkan - demi keranaku - dari umatku perbuatan yang dilakukan secara tersilap, terlupa dan secara paksaan.</p>	<p>-Seorang sukarelawan selalu memohon ampun daripada Allah.</p>

	وَالْبَسْتِيَانُ وَمَا اسْتُكْرَهُوا عَلَيْهِ [حديث حسن رواه ابن ماجة والبيهقي وغيرهما]	Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “.. <i>Rahmat Allah kepada manusia amatlah luas..Justeru hendaklah kita sentiasa berdoa kepada Allah untuk mendapatkan rahmatNya dan keampunanNya (Zulkifli,2021)</i> ”	
40	عَنْ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما قَالَ : أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي فَقَالَ : كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ . وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ رضي الله عنهما يَقُولُ : إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ ، وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ ، وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرْضِكَ ، وَمِنْ خَيْرَاتِكَ لِمَوْتِكَ . [رواه البخاري]	Dari Ibnu Umar radhiallahuanhuma berkata: Rasulullah ﷺ telah memegang bahu seraya bersabda: <i>Hiduplah engkau di dunia seolah-olah engkau seorang perantau atau musafir lalu. Ibnu 'Umar r.a. pernah berkata: Apabila engkau berada di waktu petang, maka janganlah engkau menunggu (ketibaan) waktu pagi dan apabila engkau berada di waktu pagi, maka janganlah engkau menunggu (ketibaan) waktu petang. Ambillah peluang dari kesihatanmu untuk masa sakitmu dan masa hidupmu untuk matimu.</i> Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “.. <i>Seorang guru yang bijak akan menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan perhatian anak-anak muridnya agar apa yang diajarkan oleh guru tersebut dapat difahami oleh anak murid dengan baik (Zulkifli,2021)</i> ”	-Seorang sukarelawan mampu menyantuni OKU.
41	عَنْ أَبِي مُحَمَّدٍ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رضي الله عنهما قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا يُؤْمِرُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعاً لِمَا جُمْتُ بِهِ [حديث حسن صحيح ورويناه في كتاب الحجّة بإسناد صحيح]	Dari Abu Muhammad Abdillah bin Amr bin ‘Ash radhiallahuanhuma dia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: <i>Seseorang kamu tidak benar-benar beriman sehinggalah hawa nafsunya tunduk menuruti ajaran yang aku bawa.</i> Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “.. <i>Hadis ini mendidik kita agar mengutamakan perintah Rasulullah ﷺ. Jangan sesekali kita membelakangi syariat Allah SWT dalam perkara yang berlawanan dengan kehendak hawa nafsu (Zulkifli,2021)</i> ”	-Seorang sukarelawan perlu menjalankan kerja sukarelawan berdasarkan ajaran Rasulullah. -Seorang sukarelawan sentiasa berusaha melakukan kebaikan.

<p>42</p>	<p>عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَا ابْنَ آدَمَ، إِنَّكَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجَوْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ عَلَى مَا كَانَ مِنْكَ وَلَا أُبَالِي، يَا ابْنَ آدَمَ لَوْ بَلَغَتْ ذُنُوبُكَ عَنَانَ السَّمَاءِ ثُمَّ اسْتَغْفَرْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ، يَا ابْنَ آدَمَ، إِنَّكَ لَوْ أَتَيْتَنِي بِقُرَابِ الْأَرْضِ خَطَايَا لَمْ لَوْيْتَنِي لَا تُشْرِكُ بِي شَيْئاً لَأَكْتَبُكَ بِفِرَاحِي مَغْفِرَةً [رواه الترمذي وقال حديث حسن صحيح]</p>	<p>Dari Anas Radhiallahuanhu dia berkata, Saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, Allah Ta'ala berfirman: Wahai anak Adam! Selagi mana engkau meminta, berdoa dan mengharapkan Aku, Aku akan ampunkan apa-apa dosa yang ada pada dirimu dan Aku tidak peduli. Wahai anak Adam! Seandainya dosa-dosamu banyak sampai mencecah awan langit kemudian engkau memohon ampun kepadaKu, nescaya Aku akan ampunkan bagimu. Wahai anak Adam! Sesungguhnya engkau, andainya engkau datang menghadapKu dengan dosa-dosa sepenuh isi bumi, kemudian engkau datang menghadapKu tanpa engkau mensyirikkan Aku dengan sesuatu, nescaya Aku akan mengurniakan untukmu keampunan sepenuh isi bumi.</p> <p>Syarah Hadis 40 Kitab al-Kafi Imam Nawawi & Tatmin al-kafi : “..<i>Hadis ini menyentuh perasaan apabila Allah SWT memamerkan sifatnya Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang terhadap seluruh hambanya</i> (Zulkifli,2021)”</p>	<p>-Seorang sukarelawan perlu memastikan niatnya suci dan mempunyai hati nurani yang bersih.</p> <p>-Seorang sukarelawan perlu memberi pengharapan keampunan dan keluasan rahmat Allah kepada OKU.</p>
-----------	--	---	--

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 الجامعة الإسلامية العلوم
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

4.3.2 DIMENSI KERANGKA CIRI SUKARELAWAN DAKWAH BAGI OKU

Dalam fasa ini, data telah diproses menggunakan Microsoft Excel mengikut langkah-langkah yang telah dicadangkan oleh Chang et al. (2000) dan Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. (2017). Perlu diingatkan bahawa dalam konteks *Fuzzy Delphi Method* konsensus kumpulan perlu diperoleh terlebih dahulu sebelum kedua-dua persoalan kajian dijawab. Justeru kriteria yang digunakan untuk menilai konsensus kumpulan berdasarkan syarat perjanjian mestilah melebihi 75% (Chu & Hwang, 2008; Murry & Hammons, 2017), nilai *threshold* $d(m, n)$ mestilah kurang atau sama dengan 0.2 (Cheng & Lin, 2002) dan nilai α – cut yang diperoleh mesti sama atau melebihi 0.5 (Bodjanova, 2006; Tang & Wu, 2010). Sejajar dengan itu, jarak di antara dua nombor fuzzy telah dikira dengan mengukur sisihan antara purata dengan data penilaian pakar menggunakan rumus nilai Threshold, “d” seperti berikut :

$$d(m,n) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

Analisis data dalam fasa ini adalah untuk menjawab persoalan kajian 3.2 dan 3.3 iaitu *berdasarkan pandangan pakar, apakah kedudukan keutamaan dimensi ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dan apakah kesepakatan pakar terhadap tema dan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah bagi OKU daripada Kitab Hadis 40 Imam Nawawi.*

Justeru, terdapat enam dimensi ciri sukarelawan dakwah bagi OKU iaitu rohani, personaliti, sikap, kemahiran, komunikasi dan pemikiran. Berdasarkan data analisis nilai *threshold* $d(m, n)$ terhadap keenam-enam dimensi ini adalah kurang daripada 0.2. Manakala peratus persetujuan bagi keenam-enam dimensi ini melebihi 75% serta nilai α – cut yang diperoleh melebihi 0.5. Oleh itu persoalan kajian 3.2 dan 3.3 telah mencapai konsensus kumpulan.

Jadual 4.4 menunjukkan dapatan akhir bagi keseluruhan dimensi ciri sukarelawan dakwah bagi OKU yang telah melalui analisis kaedah Fuzzy Delphi (FDM), kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar. Bagi elemen bertanda (*) adalah penambahan dan cadangan yang telah dilakukan oleh sekumpulan panel pakar.

Jadual 4.4 : Enam dimensi ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berdasarkan analisa Fuzzy Delphi (FDM) dan cadangan panel pakar

Bil	Dimensi Ciri Sukarelawan Dakwah Bagi OKU	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>	
1	Rohani	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
2	Personaliti	0.123	92.3	0.777	0.923	0.977	0.892	TERIMA
3	Sikap	0.065	100.0	0.838	0.969	1.000	0.936	TERIMA
4	Kemahiran	0.181	84.62	0.762	0.900	0.954	0.872	TERIMA
5	Komunikasi	0.148	92.31	0.777	0.915	0.969	0.887	TERIMA
6	Pemikiran	0.065	100.0	0.838	0.969	1.000	0.936	TERIMA
Cadangan Kesepakatan daripada Panel Pakar: Ranking								
1	Rohani	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
2	Pemikiran	0.065	100.00	0.838	0.969	1.000	0.936	TERIMA
3	Sikap	0.065	100.0	0.838	0.969	1.000	0.936	TERIMA
4	Personaliti	0.123	92.3	0.777	0.923	0.977	0.892	TERIMA
5	Komunikasi	0.148	92.31	0.777	0.915	0.969	0.887	TERIMA
6	Kemahiran	0.181	84.62	0.762	0.900	0.954	0.872	TERIMA

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0

Defuzzification Process

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai α – cut = 0.5

Jadual 4.4 bertujuan untuk menjawab soalan kajian 3.2 iaitu *berdasarkan pandangan pakar, apakah kedudukan keutamaan dimensi ciri sukarelawan dakwah bagi OKU?*

Jadual 4.4 menunjukkan hasil penilaian pakar terhadap kesesuaian dimensi yang terdapat dalam enam dimensi ciri sukarelawan dakwah bagi OKU. Terdapat enam dimensi dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU yang telah dinilai iaitu rohani, personaliti, sikap, kemahiran, komunikasi dan pemikiran dengan nilai skor *defuzzification* masing-masing iaitu 0.931, 0.892, 0.936, 0.872, 0.887 dan 0.936. Dengan cadangan kesepakatan daripada panel pakar dari sudut kedudukan enam dimensi ciri sukarelawan dakwah bagi OKU, panel pakar mencadangkan dan bersepakat bahawa dimensi pertama ciri sukarelawan dakwah bagi OKU adalah dimensi rohani diikuti dengan dimensi pemikiran, dimensi sikap, dimensi personaliti, dimensi komunikasi dan akhir sekali dimensi kemahiran.

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dianalisis ini menunjukkan bahawa semua dimensi ciri sukarelawan dakwah bagi OKU diterima sebulat suara oleh para pakar. Hal ini membuktikan bahawa semua dimensi tersebut sesuai diaplikasikan oleh sukarelawan dakwah bagi OKU.

4.3.3 ELEMEN BAGI SETIAP DIMENSI KERANGKA CIRI SUKARELAWAN DAKWAH BAGI OKU

Setiap dimensi diberikan definisi oleh penyelidik dengan merujuk kepada sumber yang berkaitan agar setiap elemen dapat diletakkan pada dimensi yang bersesuaian.

i. Elemen bagi Dimensi Rohani

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, rohani adalah bersifat jiwa iaitu ianya bukan bersifat fizikal atau jasmani. Dari perspektif Islam, rohani adalah aspek dalaman manusia yang tidak dapat diungkap oleh pancaindera manusia (Aziz et al., 2021). Manakala dimensi Rohani dalam aspek kajian pula, ia berkait rapat antara hubungan dalaman individu sukarelawan dengan Allah SWT yang berkhidmat kepada komuniti OKU Islam khususnya.

Jadual 4.5 memaparkan dapatan akhir bagi keseluruhan elemen dalam dimensi rohani melalui analisis kaedah Fuzzy Delphi (FDM), kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar. Bagi elemen bertanda (*) adalah penambahan dan cadangan yang telah dilakukan oleh sekumpulan panel pakar.

Jadual 4.5 : Dimensi rohani dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berdasarkan analisa Fuzzy Delphi (FDM) dan cadangan panel pakar.

Bil	Nombor Hadis	Dimensi Rohani	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar
			Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>	
1	4	Bertawakkal Kepada Allah SWT Dalam Kerja Dakwah Kepada OKU	0.071	92.31	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
2	23	Menjadikan Al-Quran Sebagai Pegangan Hidup	0.071	92.31	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
3	23	Menjaga Solat Fardhu	0.071	92.31	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
4	38	Menjaga Amalan Wajib	0.071	92.31	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
5	39 dan 42	Memohon Ampun Daripada Allah SWT	0.071	92.31	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
6	42	Menjaga Niat Dalam Melakukan Tugas	0.071	92.31	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
7	1 dan 31	Mempunyai Niat Yang Ikhlas	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
8	2,3,21 dan 22	Menghayati Rukun Iman	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
9	2,3 dan 22	Menghayati Rukun Islam	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
10	8 dan 10	Mentaati Perintah Allah SWT	0.082	92.31	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
11	4	Mempunyai Keyakinan Yang Tinggi Terhadap Ketetapan Allah SWT	0.082	92.31	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA

12	19	Reda Dengan Semua Ujian Yang Dihadapi	0.091	92.31	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
13	6,20 dan 35	Menjaga Diri Daripada Melakukan Perkara Yang Menjatuhkan Maruah	0.091	92.31	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
14	6,10 dan 30	Menjaga Batasan Halal Dan Haram	0.091	92.31	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
15	14	Menjauhi Dosa Besar	0.095	92.31	0.808	0.946	0.992	0.915	TERIMA
16	6,8 dan 10	Tidak Berterusan Melakukan Dosa Kecil	0.095	92.31	0.808	0.946	0.992	0.915	TERIMA
17	19	Berserah Diri Kepada Allah SWT Dalam Segala Urusan	0.095	92.31	0.808	0.946	0.992	0.915	TERIMA
18	38	Berusaha Memperbanyakkan Amalan Sunat	0.116	84.62	0.808	0.938	0.985	0.910	TERIMA
19	19 dan 24	Bergantung Kepada Allah SWT Sepenuhnya Dalam Menyelesaikan Masalah	0.117	100.00	0.777	0.923	0.985	0.895	TERIMA
20	42	Hanya Berharap Pertolongan Daripada Allah SWT	0.182	92.31	0.792	0.915	0.954	0.887	TERIMA
21	24	Mengharapkan Perhatian Dari Allah SWT Sahaja	0.182	92.31	0.762	0.900	0.954	0.872	TERIMA
Cadangan Kesepakatan daripada Panel Pakar:									
		Tiada							

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai Threshold $(d) \leq 0.2$
- 2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75

Defuzzification Process

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai α – cut = 0.5


Jadual 4.5 menunjukkan hasil penilaian pakar terhadap kesesuaian elemen yang terdapat dalam dimensi rohani. Terdapat 21 elemen dalam keseluruhan dimensi rohani iaitu bertawakkal kepada Allah SWT dalam kerja dakwah kepada OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, menjadikan al-Quran sebagai pegangan hidup dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, menjaga solat fardhu dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, menjaga amalan wajib dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, memohon ampun daripada Allah SWT dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, menjaga niat dalam melakukan tugas dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, mempunyai niat yang ikhlas dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, menghayati rukun iman dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, menghayati rukun Islam dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, mentaati perintah Allah SWT dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap ketetapan Allah SWT dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, reda dengan semua ujian yang dihadapi dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, menjaga diri daripada melakukan perkara yang menjatuhkan maruah dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, menjaga batasan halal dan haram dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, menjauhi dosa besar dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.915, tidak berterusan melakukan dosa kecil dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.915, berserah diri kepada Allah SWT dalam segala urusan dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.915, berusaha memperbanyakkan amalan sunat dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.910, bergantung kepada Allah SWT sepenuhnya dalam menyelesaikan masalah dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.895, hanya berharap pertolongan daripada Allah SWT dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.887, mengharapkan perhatian dari Allah SWT sahaja dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.872. Berdasarkan dapatan kajian yang telah diketengahkan ini menunjukkan bahawa ke semua kandungan yang terdapat dalam keseluruhan dimensi rohani telah diterima sebulat suara oleh para pakar. Hal ini membuktikan bahawa ke semua dimensi rohani ini sesuai digunakan sebagai ciri sukarelawan dakwah bagi OKU kepada para sukarelawan.

ii. Elemen bagi Dimensi Pemikiran

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, definisi pemikiran membawa maksud perihal berfikir iaitu lateral cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imaginasi sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa tetapi berkesan. Berfikir adalah mental yang membantu insan mencari arah atau menyelesaikan

masalah, membuat keputusan; memenuhi kehendak pemahaman iaitu mencari jawapan dan mencari makna jawapan itu (Mohd Azhar Hamid, 2007). Oleh itu, dalam konteks kajian pula ialah bagaimana perspektif individu sukarelawan dakwah OKU terhadap usaha-usaha khidmatnya kepada komuniti OKU.

Jadual 4.6 memaparkan dapatan akhir bagi keseluruhan elemen dalam dimensi pemikiran melalui analisis kaedah Fuzzy Delphi (FDM), kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar. Bagi elemen bertanda (*) adalah penambahan dan cadangan yang telah dilakukan oleh sekumpulan panel pakar.



Jadual 4.6 : Dimensi pemikiran dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berdasarkan analisa Fuzzy Delphi (FDM) dan cadangan panel pakar.

Bil	Nombor Hadis	Dimensi Pemikiran	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar
			Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>	
1	21	Orang Yang Paling Baik ialah Orang Yang Memberi Manfaat Kepada Orang Lain	0.056	92.31	0.869	0.977	0.992	0.946	TERIMA
2	26	Tugas Yang Diberikan Sebagai Ibadah	0.071	92.31	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
3	18	Tugas Yang Diberikan Adalah Satu Amanah	0.082	92.31	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
4	18	Orang Yang Paling Mulia ialah Orang Bertaqwa	0.082	92.31	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
5	21	Kerja Dakwah Kepada OKU Sebagai Pekerjaan Yang Bermanfaat	0.091	92.31	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
6	7	Berdakwah Kepada OKU Salah Satu Cara Muhasabah Diri	0.095	92.3	0.808	0.946	0.992	0.915	TERIMA
7	7	Berdakwah Kepada OKU Salah Satu Cara Mengenal Diri Sendiri	0.095	92.3	0.808	0.946	0.992	0.915	TERIMA
8	8	Berdakwah Kepada OKU Adalah Salah Satu Cabang Jihad	0.116	84.6	0.808	0.938	0.985	0.910	TERIMA
9	16	OKU Merupakan Anak Syurga	0.284	84.62	0.654	0.808	0.900	0.787	TERIMA
Cadangan Kesepakatan daripada Panel Pakar:									
		Tiada							

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers

1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0

Defuzzification Process

3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai α – cut = 0.5

Dalam jadual 4.6 ini telah menunjukkan hasil penilaian pakar terhadap kesesuaian elemen dalam dimensi pemikiran ciri sukarelawan dakwah bagi OKU. Hasil analisis menunjukkan para pakar bersetuju bahawa elemen orang yang paling baik ialah orang yang memberi manfaat kepada orang lain telah memberi gambaran yang jelas mengenai dimensi pemikiran perlu dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.946. Seterusnya para pakar turut bersetuju bahawa dimensi pemikiran iaitu menganggap tugas yang diberikan sebagai ibadah merupakan antara ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938. Selain itu, para pakar juga turut bersetuju bahawa dimensi pemikiran dengan menganggap tugas yang diberikan adalah satu amanah termasuk dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931. Para pakar juga bersetuju bahawa dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU perlu mempunyai dimensi pemikiran iaitu orang yang paling mulia ialah orang bertaqwa dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931. Di samping itu, para pakar bersetuju dengan dimensi pemikiran iaitu kerja dakwah kepada OKU sebagai pekerjaan yang bermanfaat dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923. Seterusnya para pakar turut bersetuju bahawa dimensi pemikiran iaitu berdakwah kepada OKU salah satu cara muhasabah diri merupakan antara ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.915. Selain daripada itu para pakar juga turut bersetuju bahawa dimensi pemikiran dengan menganggap berdakwah kepada OKU salah satu cara mengenal diri sendiri termasuk dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.915. Para pakar juga bersetuju bahawa di dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU perlu mempunyai dimensi pemikiran iaitu menganggap berdakwah kepada OKU adalah salah satu cabang jihad dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.910. Akhir sekali para pakar turut bersetuju bahawa dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU perlu mempunyai dimensi pemikiran dengan menganggap OKU merupakan anak syurga dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.787. Kesimpulannya, hasil analisis berdasarkan kesepakatan pakar mengenai kandungan dimensi pemikiran dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU memberi bukti yang kukuh bahawa keseluruhan dimensi ini sesuai digunakan dan diimplementasikan dalam membangunkan sukarelawan dakwah bagi OKU yang menyantuni dan berkhidmat kepada komuniti OKU.

iii. Elemen bagi Dimensi Sikap

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, definisi sikap merujuk kepada sinonimnya dengan gaya, lagak, gerak-geri, rupa, tingkah laku, perangai, takah atau aksi. Sikap kebaikan menurut Islam mencakup perilaku dan tindakan yang baik, penuh kasih, dan bermanfaat bagi sesama manusia, serta sesuai dengan ajaran dan nilai-nilai Islam. Ini melibatkan perbuatan baik, kemurahan hati, pengampunan, kesopanan, dan sikap positif dalam berinteraksi dengan orang lain. Oleh itu, sikap boleh mempengaruhi perhatian untuk mengkategorikan sesuatu, memilih maklumat, menentukan sesuatu perkara, mentafsir keadaan dan sebagainya berkaitan dengan fenomena yang wujud dalam persekitaran. Maka dalam konteks kajian, dimensi sikap membawa kepada kecenderungan individu sukarelawan menterjemahkan perbuatan yang positif kepada khidmatnya dalam dunia dakwah OKU.

Manakala jadual 4.7 pula memaparkan dapatan akhir bagi keseluruhan elemen dalam dimensi sikap melalui analisis kaedah Fuzzy Delphi (FDM), kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar. Bagi elemen bertanda (*) adalah penambahan dan cadangan yang telah dilakukan oleh sekumpulan panel pakar.

Jadual 4.7 : Dimensi sikap dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berdasarkan analisa Fuzzy Delphi (FDM) dan cadangan panel pakar.

Bil	Nombor Hadis	Dimensi Sikap	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar
			Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>	
1	6	Bertanggungjawab Kepada OKU Yang Diamanahkan Untuk Dijaga	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
2	36	Suka Menuntut Ilmu	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
3	3	Mengambil Berat Dalam Melaksanakan Amalan Ibadah	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
4	6	Berhati-Hati Daripada Melakukan Perkara Yang Menjatuhkan Maruah Diri	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
5	7	Menyelidiki Sesuatu Perkara Sebelum Menyampaikannya	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
6	20	Jujur Dalam Semua Hal	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
7	4	Istiqomah Dalam Melakukan Kebaikan	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
8	24	Bersikap Adil	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
9	24	Berhikmah Dalam Berdakwah Kepada OKU	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
10	26	Memperjuangkan Hak OKU	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
11	34	Berani Mencegah Kemungkaran	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
12	7	Terbuka Menerima Nasihat	0.102	84.6	0.838	0.954	0.985	0.926	TERIMA
13	13 dan 17	Empati Terhadap Komuniti OKU	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA

14	14	Berpegang Kepada Prinsip Kesatuan Dalam Kepelbagaian	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
15	17 dan 26	Prihatin Terhadap OKU	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
16	23	Sabar Dalam Melayan Karenah Orang Lain	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
17	35	Bertoleransi Dalam Hal Yang Sepatutnya	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
18	36	Mempunyai Semangat Persaudaraan	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
19	36	Menutup Aib OKU	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
20	40	Bersedia Menyantuni OKU	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
21	5	Bertanggungjawab Menyampaikan Ilmu Yang Betul Kepada OKU	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
22	9	Sedia Menerima Sesuatu Arahan Yang Diberikan	0.095	92.3	0.808	0.946	0.992	0.915	TERIMA
23	25	Sedia Untuk Berkorban Tenaga Untuk Berdakwah Kepada OKU	0.095	92.3	0.808	0.946	0.992	0.915	TERIMA
24	9	Berusaha Sedaya Upaya Dalam Menyiapkan Sesuatu Tugas Mengikut Garis Masa	0.116	84.6	0.808	0.938	0.985	0.910	TERIMA
25	9	Aktif Memberi Cadangan Yang Bernas	0.096	92.3	0.792	0.938	0.992	0.908	TERIMA
26	2 dan 17	Bersungguh-Sungguh Melakukan Dakwah Kepada Komuniti OKU	0.096	92.3	0.792	0.938	0.992	0.908	TERIMA
27	30	Bersederhana Dalam Hal Keduniaan	0.119	100.0	0.792	0.931	0.985	0.903	TERIMA
28	25	Sedia Untuk Berkorban Harta Untuk Berdakwah Kepada OKU	0.139	100.0	0.762	0.908	0.977	0.882	TERIMA
29	25	Sedia Untuk Berkorban Masa Untuk Berdakwah Kepada OKU	0.160	100.0	0.746	0.892	0.969	0.869	TERIMA
30	11	Berkeyakinan Dalam Setiap Perkara	0.117	100.0	0.777	0.923	0.985	0.895	TERIMA
Cadangan Kesepakatan daripada Panel Pakar:									
		Tiada							

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers

1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0

Defuzzification Process

3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai α – cut = 0.5

Jadual 4.7 menunjukkan hasil penilaian pakar terhadap kesesuaian elemen dalam dimensi sikap. Terdapat 30 elemen dalam keseluruhan dimensi sikap iaitu bertanggungjawab kepada OKU dalam jagaan saya dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, suka menuntut ilmu dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, mengambil berat dalam melaksanakan amalan ibadah dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, berhati-hati daripada melakukan perkara yang menjatuhkan maruah diri dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, menyelidiki sesuatu perkara sebelum menyampaikannya dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, jujur dalam banyak hal dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, istiqomah dalam melakukan kebaikan dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, bersikap adil dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, berhikmah dalam berdakwah kepada OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, memperjuangkan hak OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, berani mencegah kemungkaran dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, terbuka menerima nasihat dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.926, empati terhadap komuniti OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, berpegang kepada prinsip kesatuan dalam kepelbagaian dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, prihatin terhadap OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, sabar dalam melayan karenah orang lain dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, bertoleransi dalam hal yang sepatutnya dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, mempunyai semangat persaudaraan dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, menutup aib OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, bersedia menyantuni OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, bertanggungjawab menyampaikan ilmu yang betul kepada OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, sedia menerima sesuatu arahan yang diberikan dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.915, sedia untuk berkorban tenaga untuk berdakwah kepada OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.915, berusaha sedaya upaya dalam menyiapkan sesuatu tugas mengikut garis masa dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.910, aktif memberi cadangan yang bernas dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.908, bersungguh-sungguh melakukan dakwah kepada komuniti OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.908, bersederhana dalam hal keduniaan dengan nilai

skor *defuzzification* sebanyak 0.903, sedia untuk berkorban harta untuk berdakwah kepada OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.882, sedia untuk berkorban masa untuk berdakwah kepada OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.869, berkeyakinan dalam banyak hal dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.895. Berdasarkan dapatan kajian yang telah diketengahkan ini menunjukkan bahawa ke semua kandungan yang terdapat dalam keseluruhan dimensi sikap telah diterima sebulat suara oleh para pakar. Hal ini membuktikan bahawa ke semua dimensi sikap ini sesuai digunakan sebagai ciri sukarelawan dakwah bagi OKU kepada para sukarelawan.

iv. Elemen bagi Dimensi Personaliti

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, personaliti membawa maksud keperibadian dan perwatakan seseorang. Ia juga boleh dirujuk pada kejujuran, kebenaran, dan keselarasan antara kata dan tindakan. Ini melibatkan konsistensi dalam perilaku, adab yang baik, dan keselarasan moral dalam segala aspek kehidupan. Justeru, dalam konteks kajian pula memberikan makna personaliti iaitu keperibadian, perwatakan atau sahsiah yang baik dalam diri individu sukarelawan dakwah OKU sama ada terhadap Allah, sesama manusia mahupun makhluk ciptaan Allah sekaliannya.

Sementara itu, jadual 4.8 menunjukkan dapatan akhir bagi keseluruhan elemen dimensi personaliti melalui analisis kaedah Fuzzy Delphi (FDM), kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar. Bagi elemen bertanda (*) adalah penambahan dan cadangan yang telah dilakukan oleh sekumpulan panel pakar.

Jadual 4.8 : Dimensi personaliti dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berdasarkan analisa Fuzzy Delphi (FDM) dan cadangan panel pakar.

Bil	Nombor Hadis	Dimensi Personaliti	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar
			Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>	
1	23 dan 25	Bertanggungjawab Atas Tugas Yang Diberikan	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
2	41	Menyampaikan Ajaran Agama Selari Dengan Ajaran Nabi Muhammad ﷺ	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
3	6	Menyebarkan Kebaikan	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
4	6	Mencegah Kemungkaran	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
5	7	Beramal Dengan Ajaran Al-Quran	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
6	7	Mentaati Syariat Nabi Muhammad ﷺ	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
7	2	Menjaga Adab Dengan Allah SWT	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
8	2	Menjaga Adab Dengan Ibu Bapa	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
9	2	Menjaga Adab Sesama Rakan Sekerja	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
10	7	Berdakwah Agar Orang Lain Mengenal Allah SWT	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
11	7	Berdakwah Untuk Mengenal Allah SWT	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
12	2	Beradab Ketika Menuntut Ilmu	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
13	2	Beradab Ketika Menyampaikan Ilmu	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
14	29	Berperwatakan Dengan Seorang Muslim Yang Baik	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA

15	32	Meninggalkan Perkara Yang Memberi Kemudaratan Kepada Diri	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
16	32	Meninggalkan Perkara Yang Memberi Kemudaratan Kepada Orang Lain	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
17	23	Menjaga Kebersihan Diri	0.102	84.6	0.838	0.954	0.985	0.926	TERIMA
18	4	Menggalakkan OKU Untuk Melakukan Kebaikan	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
19	16,18 dan 40	Menyantuni Komuniti OKU	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
20	18 dan 23	Berintegriti Dalam Menguruskan Kerja Dakwah Kepada OKU	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
21	18	Berakhlak Mulia Dengan Majikan	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
22	28	Mengamalkan Sunnah Nabi Muhammad ﷺ	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
23	35	Menjaga Maruah Diri OKU	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
24	15 dan 35	Menghormati Pandangan Orang Lain	0.111	84.6	0.823	0.946	0.985	0.918	TERIMA
25	15	Menghormati Orang Lain	0.111	84.6	0.823	0.946	0.985	0.918	TERIMA
26	15	Menyokong Kerja-Kerja Dakwah Sukarelawan Lain	0.116	84.6	0.808	0.938	0.985	0.910	TERIMA
27	7	Saling Menasihati Sesama Sukarelawan	0.116	84.6	0.808	0.938	0.985	0.910	TERIMA
28	12	Melibatkan Diri Dalam Perkara Berfaedah Sewaktu Berdakwah Kepada OKU	0.119	100.0	0.792	0.931	0.985	0.903	TERIMA
29	12	Melibatkan Diri Dalam Perkara Berfaedah Ketika Di Luar Waktu Berdakwah Kepada OKU	0.119	100.0	0.792	0.931	0.985	0.903	TERIMA
30	18	Memperbaiki Kesilapan Dengan Segera	0.119	100.0	0.792	0.931	0.985	0.903	TERIMA
Cadangan Kesepakatan daripada Panel Pakar:									
		Tiada							

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers

1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2

2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0

Defuzzification Process

3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai α – cut = 0.5

Jadual 4.8 menunjukkan hasil penilaian pakar terhadap kesesuaian keseluruhan elemen dalam dimensi personaliti. Terdapat 30 elemen dalam keseluruhan dimensi personaliti iaitu bertanggungjawab atas tugas yang diberikan dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, menyampaikan ajaran agama selari dengan ajaran Nabi Muhammad ﷺ dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, menyebarkan kebaikan dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, mencegah kemungkaran dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, beramal dengan ajaran Al-Quran dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, mentaati syariat Nabi Muhammad ﷺ dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, menjaga adab dengan Allah SWT dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, menjaga adab dengan ibu bapa dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, menjaga adab sesama rakan sekerja dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.938, berdakwah agar orang lain mengenal Allah SWT dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, berdakwah untuk mengenal Allah SWT dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, beradab ketika menuntut ilmu dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, beradab ketika menyampaikan ilmu dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, seorang muslim yang baik dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, meninggalkan perkara yang memberi kemudahan kepada diri dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, meninggalkan perkara yang memberi kemudahan kepada orang lain dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931, menjaga kebersihan diri dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.926, menggalakkan OKU untuk melakukan kebaikan dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, menyantuni komuniti OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, berintegriti dalam menguruskan kerja dakwah kepada OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, berakhlak mulia dengan majikan dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, mengamalkan sunnah Nabi Muhammad ﷺ dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, menjaga maruah diri OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923, menghormati pandangan orang lain dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.918, menghormati orang lain dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.918, menyokong kerja-kerja dakwah sukarelawan lain dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.910, saling menasihati sesama sukarelawan dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.910, melibatkan diri dalam perkara berfaedah sewaktu

berdakwah kepada OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.903, melibatkan diri dalam perkara berfaedah ketika di luar waktu berdakwah kepada OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.903, memperbaiki kesilapan dengan segera dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.903. Berdasarkan dapatan kajian yang telah diketengahkan ini menunjukkan bahawa ke semua kandungan yang terdapat dalam keseluruhan dimensi personaliti telah diterima sebulat suara oleh para pakar. Hal ini membuktikan bahawa ke semua dimensi personaliti ini sesuai digunakan sebagai ciri sukarelawan dakwah bagi OKU kepada para sukarelawan.

v. Elemen bagi Dimensi Komunikasi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, definisi komunikasi bermaksud perhubungan (secara langsung atau dgn perantaraan surat, radio, telefon), mengadakan perhubungan (bercakap, berbincang dan bertukar-tukar pendapat. Istilah komunikasi berasal dari kata *communication* dalam bahasa Inggris, yang berasal dari bahasa Latin *communis*, yang secara harfiah membawa maksud yang sama (Takari, 2019). Aktiviti komunikasi sebenarnya adalah mencari satu kesamaan antara seorang dengan seorang yang lainnya. Seseorang berusaha menimbulkan apa yang ada di dalam diri dan mencari kesamaan dengan diri orang lain, yang terlibat dalam proses komunikasi. Maka dalam konteks kajian ini, komunikasi individu sukarelawan dakwah OKU adalah cara atau kaedah tertentu yang perlu dikuasai oleh sukarelawan ketika menyampaikan dakwah supaya dapat disampaikan dengan berkesan.

Dalam pada itu, jadual 4.9 menunjukkan dapatan akhir bagi keseluruhan elemen dalam dimensi komunikasi melalui analisis kaedah Fuzzy Delphi (FDM), kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar. Bagi elemen bertanda (*) adalah penambahan dan cadangan yang telah dilakukan oleh sekumpulan panel pakar.

Jadual 4.9 : Dimensi komunikasi dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berdasarkan analisa Fuzzy Delphi (FDM) dan cadangan panel pakar.

Bil	Nombor Hadis	Dimensi Komunikasi	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar
			Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>	
1	21	Menggunakan Ekspresi Muka Yang Sesuai Mengikut Situasi	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
2	21	Menggunakan Bahasa Badan Yang Sesuai Mengikut Situasi	0.071	92.3	0.854	0.969	0.992	0.938	TERIMA
3	21	Berkomunikasi Dengan Cara Yang Sesuai Mengikut Jenis OKU	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
4	2	Bertutur Dengan Jelas	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
5	5	Mengulangi Isi Pengajaran Yang Disampaikan	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
6	21	Berkomunikasi Dengan Intonasi Yang Sesuai	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
7	26 dan 29	Berlemah Lembut Dalam Pertuturan	0.244	76.9	0.685	0.838	0.923	0.815	TERIMA
Cadangan Kesepakatan daripada Panel Pakar:									
		Tiada							

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0

Defuzzification Process

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai α – cut = 0.5

Jadual 4.9 menunjukkan hasil penilaian pakar terhadap kesesuaian keseluruhan elemen dalam dimensi komunikasi. Terdapat tujuh elemen dalam dimensi komunikasi yang telah dinilai iaitu menggunakan ekspresi muka yang sesuai mengikut situasi, menggunakan bahasa badan yang sesuai mengikut situasi, berkomunikasi dengan cara yang sesuai mengikut jenis OKU, bertutur dengan jelas, mengulangi isi pengajaran yang disampaikan, berkomunikasi dengan intonasi yang sesuai dan berlemah lembut dalam pertuturan dengan nilai skor *defuzzification* masing-masing iaitu 0.938, 0.938, 0.931, 0.931, 0.931, 0.923 dan 0.815. Berdasarkan dapatan kajian yang telah diketengahkan ini menunjukkan bahawa ke semua elemen yang terdapat dalam keseluruhan dimensi komunikasi telah diterima sebulat suara oleh para pakar. Hal ini membuktikan bahawa ke semua dimensi komunikasi ini sesuai digunakan sebagai ciri sukarelawan dakwah bagi OKU kepada para sukarelawan.

vi. Elemen bagi Dimensi Kemahiran

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, definisi kemahiran bermaksud kecekapan dan kepandaian. Pengurusan emosi dan tingkah laku merujuk kepada kemahiran dan proses mengenali, memahami, mengurus, dan mengawal emosi sendiri serta tingkah laku dalam situasi yang berbeza. Daripada definisi ini dapat disimpulkan bahawa kemahiran dalam konteks kajian adalah kecekapan dan usaha yang gigih dilakukan individu sukarelawan dakwah OKU untuk menyantuni komuniti OKU agar mereka memperolehi ilmu pengetahuan agama dengan sebaiknya.

Akhir sekali, jadual 4.10 menunjukkan dapatan akhir bagi keseluruhan elemen dalam dimensi kemahiran melalui analisis kaedah Fuzzy Delphi (FDM), kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar. Bagi elemen bertanda (*) adalah penambahan dan cadangan yang telah dilakukan oleh sekumpulan panel pakar.

Jadual 4.10 : Dimensi kemahiran dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU berdasarkan analisa Fuzzy Delphi (FDM) dan cadangan panel pakar.

Bil	Nombor Hadis	Dimensi Kemahiran	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar
			Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>	
1	37	Bersemangat Melakukan Kebaikan	0.082	92.3	0.838	0.962	0.992	0.931	TERIMA
2	8	Memimpin Berlandaskan Syariat	0.091	92.3	0.823	0.954	0.992	0.923	TERIMA
3	17	Bijak Mengurus Emosi Diri Sendiri	0.095	92.3	0.808	0.946	0.992	0.915	TERIMA
4	27	Berkemahiran Dalam Membezakan Perkara Baik Dan Buruk	0.119	100.0	0.792	0.931	0.985	0.903	TERIMA
5	21	Menyasarkan Bentuk Bantuan Yang Memberikan Manfaat Kepada OKU	0.117	100.0	0.777	0.923	0.985	0.895	TERIMA
6	2	Kritis Dalam Menyelesaikan Masalah	0.148	92.3	0.777	0.915	0.969	0.887	TERIMA
7	21	Berkemahiran Dalam Mengendalikan Tingkah Laku OKU	0.172	92.3	0.762	0.900	0.962	0.874	TERIMA
8	2	Kreatif Dalam Menyampaikan Ilmu Kepada OKU	0.181	84.6	0.762	0.900	0.954	0.872	TERIMA
9	2	Kritis Dalam Membuat Keputusan	0.181	84.6	0.762	0.900	0.954	0.872	TERIMA
10	2	Kritis Dalam Membuat Pilihan	0.181	84.6	0.762	0.900	0.954	0.872	TERIMA
11	2	Kreatif Dalam Menyediakan Bahan Bantu Mengajar	0.204	84.6	0.746	0.885	0.946	0.859	TERIMA
12	2	Berkemahiran Dalam Pengurusan Program	0.200	84.6	0.731	0.877	0.946	0.851	TERIMA
13	17	Mempunyai Kompetensi Dalam Mengajar	0.200	84.6	0.731	0.877	0.946	0.851	TERIMA

Cadangan Kesepakatan daripada Panel Pakar:

		Tiada						
--	--	-------	--	--	--	--	--	--


Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0


Defuzzification Process

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai α -cut = 0.5




Jadual 4.10 menunjukkan hasil penilaian pakar terhadap kesesuaian elemen dalam dimensi kemahiran. Hasil analisis menunjukkan para pakar bersetuju bahawa dimensi kemahiran iaitu bersemangat melakukan kebaikan telah memberi gambaran yang jelas mengenai dimensi kemahiran perlu dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.931. Seterusnya para pakar turut bersetuju bahawa dimensi kemahiran memimpin berlandaskan syariat merupakan antara ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.923. Selain itu, para pakar juga turut bersetuju bahawa dimensi kemahiran bijak mengurus emosi diri sendiri termasuk dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.915. Para pakar juga bersetuju bahawa di dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU perlu mempunyai dimensi kemahiran dalam membezakan perkara baik dan buruk dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.903. Di samping itu, para pakar bersetuju dengan dimensi kemahiran iaitu menyasarkan bentuk bantuan yang memberikan manfaat kepada OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.895. Seterusnya para pakar turut bersetuju bahawa dimensi kemahiran iaitu kritis dalam menyelesaikan masalah merupakan antara ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.887. Selain daripada itu para pakar juga turut bersetuju bahawa dimensi berkemahiran dalam mengendalikan tingkah laku OKU termasuk dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.874. Para pakar juga bersetuju bahawa di dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU perlu mempunyai dimensi kemahiran iaitu kreatif dalam menyampaikan ilmu kepada OKU dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.872. Dalam pada itu para pakar bersetuju dengan dimensi kemahiran kritis dalam membuat keputusan dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.872. Begitu juga dengan para pakar turut bersetuju bahawa dimensi kemahiran iaitu kreatif dalam menyediakan bahan bantu mengajar dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.859. Sementara itu para pakar juga turut bersetuju bahawa dimensi kemahiran dalam pengurusan program dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.851. Akhir sekali para pakar bersetuju bahawa dalam ciri sukarelawan dakwah bagi OKU perlu mempunyai dimensi kemahiran iaitu mempunyai kompetensi dalam mengajar dengan nilai skor *defuzzification* sebanyak 0.851. Berdasarkan dapatan kajian yang telah diketengahkan ini menunjukkan bahawa ke semua elemen yang terdapat dalam keseluruhan dimensi kemahiran telah diterima sebulat suara oleh para pakar. Hal ini membuktikan bahawa ke semua dimensi komunikasi ini sesuai digunakan dan diimplementasikan dalam membangunkan sukarelawan dakwah bagi OKU yang menyantuni dan berkhidmat kepada komuniti OKU seperti dalam Rajah 4.2.

Rajah 4.2 : Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU



Rajah 4.2 : Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah OKU



4.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat enam dimensi ciri sukarelawan dakwah bagi OKU iaitu rohani, personaliti, sikap, kemahiran, komunikasi dan pemikiran yang telah melalui analisis kaedah Fuzzy Delphi (FDM), kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar. Dimensi rohani mempunyai 21 elemen, kedua dimensi pemikiran mempunyai sembilan elemen, ketiga dimensi sikap pula mempunyai 30 elemen. Manakala dimensi personaliti mempunyai 30 elemen, seterusnya dimensi komunikasi mempunyai tujuh elemen. Akhir sekali, dimensi kemahiran mempunyai 13 elemen. Keseluruhan elemen dalam keenam-enam dimensi telah diterima dan disepakati oleh panel pakar bahawa elemen-elemen tersebut dapat digunakan dan diimplementasikan dalam pembinaan Kerangka Ciri Sukarelawan Dakwah bagi OKU. Maka, seseorang yang bergelar sukarelawan seharusnya mempersiapkan diri dengan ciri-ciri dalam kerangka kajian ini supaya dapat menatijahkan penyampaian dakwah kepada komuniti OKU dengan lebih berkesan.